

LAPORAN TAHUNAN 2011





LAPORAN TAHUNAN 2011



8
**PERUTUSAN
KETUA PENGARAH**

12
**PENGURUSAN
TERTINGGI**

22
**KOMPONEN
PENGURUSAN**

Strategi Korporat
Struktur Organisasi
Pengurusan Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia
Pembangunan Teknologi Maklumat
Pengurusan Kualiti dan Rancangan Strategik Jabatan

70
**PENCAPAIAN DAN
PENGIKTIRAFAN 2011**

78
PERKHIDMATAN TERAS

Kemajuan Projek 2011
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran

KANDUNGAN



106
PENGURUSAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pekerja (SSS)
Kajian Kepuasan Pelanggan (CSS)
Program Hari Bersama Pelanggan
Lawatan Delegasi Dalam dan Luar Negara

130
IMBASAN AKTIVITI JABATAN 2011

150
PENERBITAN JABATAN 2011





Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Semenanjung Malaysia ditubuhkan pada tahun 1921, diletakkan di bawah portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peranan utama Jabatan ini adalah untuk memberi nasihat kepada Menteri yang seterusnya bertanggungjawab pula kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia.

Pejabat Perancangan Bandar dan Desa yang pertama dibuka di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) pada 18 Januari 1921.



JPBD KINI

Bahagian-bahagian di JPBD Semenanjung Malaysia

- Bahagian Rancangan Fizikal Negara
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Perancangan Wilayah
- Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
- Bahagian Korporat
- Bahagian Rancangan Pembangunan
 - Unit Penyelarasan Projek
 - Pejabat Projek Zon Utara
 - Pejabat Projek Zon Tengah
 - Pejabat Projek Zon Selatan
 - Pejabat Projek Zon Timur
- Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Unit Audit Dalam
- Unit Undang- Undang





PERUTUSAN KETUA PENGARAH

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas rahmat dan izin-Nya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2011. Saya merakamkan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen semua lapisan pegawai Jabatan yang bersama-sama memberi input, idea dan usaha untuk menjayakan penerbitan laporan ini.

Berpanduan 9 Teras Strategik dan 20 program, JPBD telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan. Aspek integriti terus menjadi tunjang dalam setiap tindakan dan kita perlu bertindak secara pantas dan proaktif dalam menterjemahkan setiap kehendak pelanggan. Berfikiran secara kreatif dan inovatif digalakkan dalam usaha memupuk budaya berprestasi tinggi dan kecemerlangan.

Penerbitan laporan tahunan Jabatan merupakan satu usaha yang sangat penting kerana ia memuatkan semua aktiviti dan maklumat serta pencapaiannya dalam tahun dilaporkan. Laporan ini akan menjadikan sumber dokumentasi dan rujukan yang sangat berharga bagi sesuatu Jabatan.

Akhir kata, syabas dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai di atas daya usaha dan komitmen serta kesungguhan dalam merealisasikan matlamat Jabatan.



“Berpandukan 9 Teras Strategik dan 20 program, JPBD telah berjaya meningkatkan mutu perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui sistem penyampaian yang baik dan berkesan”

DATO' MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR

Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia





PENGURUSAN TERTINGGI

KEPIMPINAN JPBD KINI

12 laporan
tahunan
2011



YBHG. DATO' MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR
Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa



EN. KAMALRUDDIN BIN SHAMSUDIN
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)



Y.H. DATO' HAMISAH BT ARIFFIN
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)



CARTA ORGANISASI JPBD 2011



PENGARAH- PENGARAH BAHAGIAN TAHUN 2011



1. **Datin Hj. Nooraini Bt. Hj. Ismail**
Pengarah Bahagian Korporat (menanggung sehingga 23 Oktober 2011)
2. **Pn. Harizah bt. Dato' Haji Hassan**
Ketua Unit Penyelarasan Projek (sehingga 6 Oktober 2011)
3. **Cik Hajah Rokibah bt. Abdul Latif**
Pengarah Bahagian Rancangan Fizikal Negara
4. **Dr. Dahlia bt. Rosly**
Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
5. **Tn. Haji Mohd Nasir b. Dato' Shaari**
Pengarah Pejabat Projek Zon Tengah
6. **En. Ramli b. Zulkifli**
Pengarah Bahagian Maklumat Gunatanah Negara



7. **En. Omar b. Jamaluddin**
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan
8. **Tn. Haji Zaini b. Ishak**
Pengarah Pejabat Projek Zon Utara
9. **Pn. Zaleha bt. Shaari**
Pengarah Bahagian Perancangan Wilayah
10. **En. Abdul Jamil b. Arshad**
Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan (sehingga 23 Oktober 2011)
11. **Tn. Haji Ahmad b. Abdullah**
Pengarah Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
12. **En. Saiful Anuar b. Mohd. Jaafar**
Ketua Unit Audit Dalam
13. **Tn. Haji Wan Hassan b. Wan Ismail**
Pengarah Pejabat Projek Zon Timur (sehingga 6 September 2011)



Tn. Haji Mohd Azam b. Mohd Abid
Pengarah JPBD Johor



Dato' Dr. Dolbani b. Mijan
Pengarah JPBD Perak



Dato' Hajah Zainon bt. Ahmad
Pengarah JPBD Pahang



Tn. Haji Noran b. Sharif
Pengarah JPBD Kedah



Tn. Haji Mohd Anuar b. Maidin
Pengarah JPBD Negeri Sembilan



Tn. Haji Mohamed Fauzi b. Hj. Zain
Pengarah JPBD Kelantan



Tn. Haji Zainuddin b. Ahamad
Pengarah JPBD Pulau Pinang



Tn. Haji Mohd Zaki b. Ibrahim
Pengarah JPBD Melaka

PENGARAH- PENGARAH JPBD NEGERI TAHUN 2011



Cik Norasiah Bee Bt Mohd Haniff
Pengarah JPBD Selangor
(menanggung sehingga 2 Oktober 2011)



En. Khairulzaman b. Ibrahim
Pengarah JPBD Perlis



Tn. Haji Mokhtar b. Samadi
Pengarah JPBD Terengganu
(menanggung sehingga 2 Oktober 2011)





KOMPONEN PENGURUSAN

STRATEGI KORPORAT

VISI

Peneraju yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam perancangan bandar dan desa.

MISI

Mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti dan mampan, selaras dengan Wawasan 2020.

DASAR KUALITI

Menjadikan Jabatan sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.



Jayakan **P**erkhidmatan **B**erkualiti dan **D**inamik

OBJEKTIF JABATAN



- Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara;
- Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan;
- Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan
- Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga peringkat kerajaan iaitu peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

FUNGSI

Peringkat Persekutuan

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah;
- Bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang dibentuk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang perancangan, metodologi perancangan, kajian perancangan, piawaian, prosedur dan kaedah-kaedah perancangan;
- Menterjemahkan dasar sosio ekonomi nasional kepada bentuk fizikal dan spatial mengikut formula guna tanah dan dasar serta program petempatan;
- Membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan dalam penyediaan rancangan struktur negeri, rancangan tempatan daerah dan rancangan kawasan khas; dan
- Menyelia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.



- 
- Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal perancangan, termasuk pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan;
 - Berfungsi sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
 - Menasihati Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dasar dan kawalan perancangan tanah dan bangunan;
 - Mengawal pembangunan dalam negeri termasuklah kelulusan dan kawal selia ke atas pelaksanaan rancangan pemajuan;
 - Membantu dalam penyediaan pelan susun atur bagi projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;
 - Mengendalikan kajian dan penyelidikan berkenaan penggunaan dan pembangunan tanah.
-
- Mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
 - Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
 - Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Jawatankuasa Perancang Negeri dari semasa ke semasa.

Peringkat Negeri

Peringkat Tempatan

PIAGAM PELANGGAN

KOMITMEN KAMI :

MENJADI PENERAJU YANG CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG DALAM PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
MEWUJUDKAN PERSEKITARAN KEHIDUPAN YANG BERKUALITI DAN MAMPAN SELARAS DENGAN WAWASAN 2020

UNTUK MENCAPAINYA, KAMI AKAN MEMASTIKAN

KAJIAN SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA DISEDIAKAN
Sekali Setiap Lima Tahun

RANCANGAN WILAYAH DISEDIAKAN
Dalam Tempoh 18 Bulan

KAJIAN SEMULA RANCANGAN STRUKTUR NEGERI DISEDIAKAN
Dalam Tempoh 18 Bulan

RANCANGAN TEMPATAN DISEDIAKAN
Dalam Tempoh 12 – 15 Bulan

RANCANGAN KAWASAN KHAS DISEDIAKAN
Dalam Tempoh 6 Bulan

GARIS PANDUAN/ PIAWAIAN PERANCANGAN DISEDIAKAN
Dalam Tempoh 12 Bulan

KAEDAH - KAEDAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
Dalam Tempoh 12 Bulan

10K

Budaya Kerja JPBD



1 ketaqwaan

- Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat.

komitmen 2

- Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan.

3 keindahan

- Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan.

konsistensi 4

- Melaksanakan tugas-tugas secara konsisten bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan.

5 kesopanan

- Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan.

kemesraan 6

- Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai.

7 kebolehpercayaan

- Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

kecemerlangan 8

- Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa.

9 kreativiti & inovasi

- Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi.

kesegeraan 10

- Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian.

STRUKTUR ORGANISASI

Struktur organisasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada 2 peringkat iaitu:

- Peringkat Persekutuan
- Peringkat Negeri

PERINGKAT PERSEKUTUAN

Di peringkat ini JPBD diterajui oleh 8 Bahagian:

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian Khidmat Pengurusan terdiri daripada 4 seksyen dengan objektif seperti berikut:

i. Seksyen Pentadbiran

- Menguruskan hal ehwal pentadbiran am dengan cekap, tepat dan berkualiti dengan mematuhi prosedur, peraturan-peraturan dalam arahan perkhidmatan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

ii. Seksyen Kewangan

- Menguruskan sumber kewangan Jabatan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan termasuklah:
 - Memastikan segala unsur perbelanjaan dilakukan secara teratur, berhemah dan berkesan;
 - Memastikan pembayaran dilakukan mengikut jadual masa yang ditetapkan dengan cekap;



- Memastikan pembayaran yang dibuat kepada individu/agensi-agensi lain di sektor awam dan swasta dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- Mengawal selia rekod-rekod pembayaran mengikut peraturan-peraturan kewangan yang diguna pakai.

iii. Seksyen Sumber Manusia

- Mewujudkan satu pencapaian tahap kemahiran, kepakaran dan profesionalisme yang cemerlang kepada semua lapisan pegawai di dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui program latihan yang bersepadu dan komprehensif.

iv. Seksyen Teknologi Maklumat

- Memastikan pembangunan projek ICT selaras dengan objektif Jabatan dan sektor awam;
- Memastikan keselamatan ICT selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam; dan
- Memastikan perolehan ICT selaras dengan Pekeliling Perolehan ICT Sektor Awam.

BAHAGIAN KORPORAT

- Menyedia dan memantau Pelaksanaan Rancangan Strategik Jabatan (RSJ) yang berdayalaksana dan mencapai visi dan misi Jabatan;
- Menyelaras dan memantau sistem pengurusan kualiti Jabatan dan pencapaian prestasi KPI Jabatan yang ditetapkan;
- Merangka program penyebaran maklumat Jabatan bagi meningkatkan pemahaman awam terhadap perkhidmatan Jabatan serta pengendalian aduan awam;
- Menyelaras program pengantarabangsaan dan kerjasama strategik Jabatan bagi tujuan peningkatan profesionalisme perkhidmatan; dan
- Menjalankan tugas keurusetiaan mesyuarat utama Jabatan dan penyelarasan maklumbalas Parlimen serta mesyuarat lain Kementerian menepati tempoh yang ditetapkan.

UNIT AUDIT DALAMAN

Membantu Pihak Pengurusan JPBD mencapai matlamat yang telah ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan keberkesanan proses kawalan serta tadbir urus terutama dalam aspek pengurusan kewangan dan pematuhan kepada peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.

UNIT UNDANG-UNDANG

Memberi perkhidmatan dan nasihat perundangan yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang Malaysia yang dijadikan asas dalam sistem perancangan fizikal negara.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan selaras dengan dasar pembangunan negara, prinsip perancangan dan amalan terbaik (best practices) di dalam dan luar negara;
- Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan merangkumi :
 - a. Penilaian dasar dan penyelidikan antarabangsa,
 - b. Perancangan guna tanah serta komponennya,
 - c. Perancangan alam sekitar dan pengurusan risiko,
 - d. Morfologi, reka bentuk dan warisan bandar,
 - e. Metodologi dan teknik perancangan,
 - f. Pembangunan mampan.
- Memastikan kajian penyelidikan perancangan menggunakan pendekatan terkini, saintifik, kreatif, inovatif dan praktikal;
- Mengkaji semula garis panduan perancangan bagi menyesuaikan dengan perubahan dasar dan keperluan semasa;
- Memberi input kepakaran kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan dan agensi atau pihak lain yang berkepentingan;
- Mewujudkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan badan ikhtisas dalam dan luar negara;
- Mengadakan sesi *teach-in*, *expert talk*, forum, rundingan meja bulat, seminar, bengkel dan sebagainya berkaitan dengan penyelidikan perancangan; dan
- Menerbitkan monograf, jurnal dan buletin penyelidikan perancangan.

BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN KAWAL SELIA PERANCANGAN

- Memberi khidmat nasihat berkaitan Perundangan Perancangan Bandar dan Desa kepada Agensi Persekutuan, Negeri, Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan orang awam;
- Membuat promosi dan sebaran dasar berkenaan Perundangan Perancangan Bandar dan Desa;
- Menyelaras dan memantau penerima pakaian Akta 172, kaedah-kaedah, panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172;
- Menyediakan kertas perakuan bagi permohonan pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 kepada MPFN;
- Menjalankan siasatan perancangan dan memantau projek-projek pembangunan yang telah diangkat dan diperakukan oleh MPFN;
- Menyemak dan mengkaji semula Akta 172 serta menyediakan cadangan pindaan Akta 172; dan
- Menyedia dan mengkaji semula kaedah-kaedah, panduan-panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172.



BAHAGIAN MAKLUMAT GUNATANAH NEGARA

- Memastikan pangkalan data perancangan adalah yang terkini berdasarkan kesediaan (availability) data; dan
- Membekalkan data kepada pemohon berpandukan permohonan yang lengkap dan kesediaan data dalam tempoh masa tujuh (7) hari dari tarikh permohonan diterima oleh Pegawai.

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

- Merumus rangka kerja dasar-dasar strategik perancangan spatial dan tindakan pelaksanaan melalui Rancangan Fizikal Negara (RFN) bagi menyediakan hala tuju pemajuan pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah di Semenanjung Malaysia;
- Menggubal Dasar Perbandaran Negara (DPN) bagi memandu dan menyelaras perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik;
- Merancang dan menyelaras pelaksanaan Sistem Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) sebagai salah satu kaedah alternatif pembangunan tanah dalam negara;
- Menggubal Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) sebagai rangka kerja untuk pembangunan bersepadu kawasan desa dan pusat pertumbuhan desa; dan
- Melaksanakan semua urusan dengan cekap, teratur dan berkesan serta pemantauan maklumbalas yang kemas dan teratur mengikut jadual, tempoh dan format yang ditetapkan.

RANCANGAN
FIZIKAL
NEGARA



KEMUDAHAN
INFRASTRUKTUR
UNTUK SEMUA

BAHAGIAN RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

BAHAGIAN PERANCANGAN WILAYAH

- Memastikan pelaksanaan peruntukan Seksyen 6A Akta 172 dan mengurus fungsi dan peranan Jawatankuasa Perancang Wilayah;
- Merancang dan menyelaraskan dasar dan strategi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi dalam sesuatu wilayah selaras dengan rangka perancangan spatial Negara;
- Menasihati dan memantau kemajuan kawasan bersempadanan dalam wilayah bagi membantu Jawatankuasa Perancang Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mencapai Dasar Perancangan Spatial Negara yang berkaitan dengan wilayah berkenaan; dan
- Membantu Jabatan merangka, menyelaraskan dan memantau kajian-kajian perancangan berkepentingan nasional untuk mencapai hasrat pembangunan Negara.



UNIT PENYELARASAN PROJEK

- Menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program Semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan mengikut *rolling plan* bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- Menyediakan Laporan Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan Dwi Tahunan berdasarkan kalendar aktiviti Pekeliling Perbendaharaan;
- Menyediakan Laporan Mingguan (Kementerian dan Jabatan) dan Laporan Bulanan (Agensi Pusat) bagi kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan SPPII; dan
- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan 2 kali setahun bagi setiap Zon/Bahagian.

PEJABAT PROJEK ZON TENGAH, UTARA, SELATAN DAN TIMUR

- Menyediakan rancangan pemajuan/rancangan pembangunan yang menepati keperluan standard (dari segi perundangan, garis panduan dan dasar) dan peruntukan sumber (peruntukan dan lingkungan masa) menggunakan pendekatan teknikal dan saintifik yang diperakui oleh pakar, berdayalaksana dari segi ekonomi, sosial dan politik serta lestari.

PERINGKAT NEGERI

Kesemua JPBD Negeri secara amnya dibahagikan kepada 2 bahagian, walaupun mempunyai ciri-ciri pentadbiran tersendiri tetapi mempunyai struktur organisasi yang sama iaitu:

BAHAGIAN PENTADBIRAN

- Mengurus segala hal pentadbiran dan pengurusan Jabatan seperti pentadbiran am, perkhidmatan dan kewangan.

BAHAGIAN TEKNIKAL

- Melaksanakan aktiviti-aktiviti teknikal seperti urusetia Jawatankuasa Perancang Negeri, menyelaras rancangan-rancangan pemajuan, menyedia pelan-pelan pembangunan, perancangan bagi projek-projek khas, memberi khidmat nasihat perancangan dan memproses permohonan-permohonan perancangan.



PENGURUSAN KEWANGAN



Seksyen Kewangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menguruskan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus, manakala Unit Penyelarasan Projek menguruskan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus B43 yang diluluskan pada tahun 2011 ialah RM48,036,280.00. Jumlah Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM48,334,263.77 iaitu 100.62%, berkurang sebanyak 0.55% berbanding dengan 101.17% pada tahun 2010.

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus B43

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Dasar Sedia Ada	47,946,700.00	48,248,109.99	100.63
Dasar Baru	-	-	-
Dasar <i>One-Off</i>	89,580.00	86,153.78	96.17
Jumlah	48,036,280.00	48,334,263.77	100.62

Sumber: Seksyen Kewangan, 2011

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Aktiviti

PERKARA		PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Aktiviti 070100	Pengurusan	13,673,000.00	13,343,586.95	97.59
Aktiviti 070200	Rancangan Pemajuan	24,332,800.00	25,321,525.79	104.06
Aktiviti 070300	Penyelidikan dan Perundangan	9,940,900.00	9,582,997.25	96.40
Aktiviti 120200	Aset	15,980.00	15,980.00	100.00
Aktiviti 120300	Emolumen Kakitangan Kontrak	73,600.00	70,173.78	95.34
Jumlah B43		48,036,280.00	48,334,263.77	100.62

Sumber: Seksyen Kewangan, 2011

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), *Rolling Plan* Pertama Tahun 2011-2012

Bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), perancangan dan pelaksanaan program dan projek serta penyediaan siling di bawah RMKe-10 dibuat secara *rolling* setiap dua tahun. Melalui kaedah ini, kementerian dan agensi boleh mengemukakan permohonan program dan projek sepanjang tempoh Rancangan. Melalui kaedah *Rolling Plan* ini juga, Kerajaan mempunyai ruang untuk mengambil kira keutamaan baru dan mengelak berlakunya *over commitment* memandangkan siling peruntukan disedia berdasarkan keupayaan semasa kewangan Kerajaan.

Sehubungan itu, pada awal tahun 2010 ketika proses permohonan projek RMKe-10 bagi *Rolling Plan* Pertama (Tahun 2011-2012), JPBD telah memohon cadangan untuk menjalankan 67 projek dengan peruntukan berjumlah RM48,414,000 dengan mengekalkan 7 program iaitu Rancangan Tempatan, Rancangan Struktur, Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar, Pembangunan Teknologi Maklumat, Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Wilayah dan Rancangan Kawasan Khas.

Walau bagaimanapun, pihak Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 22 September 2010 hanya meluluskan 14 projek iaitu 10 projek sambungan dan 4 projek baru dengan peruntukan siling (2011-2012) berjumlah RM11,300,000.00.

Peruntukan *Rolling Plan* Pertama (Tahun 2011-2012)

PROGRAM	PERMOHONAN		KELULUSAN		
	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	LULUS (%)
Rancangan Fizikal Negara	8	7,482,500.00	2	350,000.00	4.7 %
Rancangan Wilayah	4	1,600,000.00	-	-	-
Rancangan Struktur	1	1,700,000.00	-	-	-
Rancangan Tempatan (Sambungan)	10	8,950,000.00	10	8,950,000.00	100.0 %
Rancangan Tempatan	4	5,500,000.00	-	-	-
Rancangan Kawasan Khas	12	6,000,000.00	-	-	-
Kajian Prosedur Perancangan Dan Sebaran Dasar	18	3,210,000.00	-	-	-
Pembangunan Teknologi Maklumat JPBD (E-PLAN)	10	13,971,500.00	2	2,000,000.00	14.3 %
JUMLAH	67	48,414,000.00	14	11,300,000.00	23.3 %

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011

Peruntukan dan Prestasi Pembangunan Tahun 2011

Peruntukan sejumlah **RM9,005,000** diluluskan untuk tahun **2011**. Sehingga tarikh penutupan akaun, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah **RM8,775,901.75** iaitu **97.46%**. Perbelanjaan ini meliputi 10 projek di bawah program Rancangan Tempatan, 2 projek di bawah program Rancangan Fizikal Negara dan 2 projek di bawah Pembangunan Teknologi Maklumat.


Peruntukan dan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2011

PROGRAM	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Rancangan Fizikal Negara	2	105,000.00	99,828.00	95.07
Rancangan Tempatan	10	7,350,000.00	7,127,554.93	96.97
Pembangunan Teknologi Maklumat	2	1,550,000.00	1,548,518.82	99.9
JUMLAH	14	9,005,000.00	8,775,901.75	97.46

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011



Prestasi Perbelanjaan Projek-Projek Pembangunan Jabatan Tahun 2011



Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011

*eSPKB : Sistem Perancangan Kawalan Perbelanjaan Secara Elektronik

*AG : Akauntan Negara

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Kerajaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan pembangunan sumber manusia sektor awam sebagai landasan kepada Jabatan untuk melengkapkan setiap pegawai dengan pengetahuan (knowledge), kemahiran (skills) serta tingkah laku/nilai (attitude). Pada hari ini pembangunan sumber manusia tidak lagi dilihat sebagai faktor sokongan sesebuah organisasi tetapi sebagai penyumbang strategik yang signifikan kepada kejayaan dan kecemerlangan organisasi.

Pendekatan Jabatan dalam pembangunan sumber manusia berasaskan kompetensi ini mampu melahirkan pegawai yang berpengetahuan, berkemahiran dinamik, progresif dan berdaya saing disamping mempunyai sikap dan integriti yang kukuh, berdisiplin dan mempunyai nilai-nilai murni.

Seksyen Sumber Manusia (SSM) memainkan lima (5) peranan utama dalam mengurus dan mengawasi urusan sumber manusia iaitu:-

- i. Urusan perkhidmatan personel bermula dari perlantikan hingga persaraan;
- ii. Urusan perjawatan yang merangkumi susunan dan data perjawatan;
- iii. Urusan rekod-rekod perkhidmatan;
- iv. Urusan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib; dan
- v. Urusan kursus, latihan, bengkel, seminar dan peperiksaan.



Aktiviti Utama 2011

LATIHAN / KURSUS / BENGKEL / TAKLIMAT / SEMINAR

Secara keseluruhan tahun 2011 telah mencatatkan pencapaian latihan/kursus 7 hari setahun sebanyak 98% termasuk JPBD Negeri. Ini menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pegawai telah diberi latihan yang diperlukan sama ada latihan berbentuk *hard skill* mahu pun *soft skill* bagi memenuhi keperluan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi dalam melaksanakan tugas mereka.



Latihan / Kursus/ Bengkel/ Taklimat/ Seminar Yang Dihadiri

BIL.	LATIHAN / KURSUS/ BENGKEL/ TAKLIMAT/ SEMINAR	BIL. PESERTA	BIL. LATIHAN
Dalam Negara			
1.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran JPBD (Wajib, Umum dan <i>Functional</i>)	2566	65
2.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Dalam Negeri Anjuran Kerajaan	66	10
3.	Kursus / Bengkel /Seminar Anjuran INTAN	10	8
4.	Kursus/Bengkel/Taklimat/ Seminar Dalam Negeri Anjuran Swasta	325	40
5.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran IPTA	13	2
Luar Negara			
1.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Luar Negeri Anjuran Kerajaan	4	4
2.	Kursus/Bengkel/Taklimat/ Seminar Luar Negeri Anjuran Swasta	2	2
3.	Kursus Jangka Pendek Luar Negara	2	2
JUMLAH		2988	133

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2011

Rumusan Kehadiran Kursus 7 Hari / Pegawai Dari Januari–Disember 2011 Bagi Pegawai-Pegawai Di JPBD Ibu Pejabat Dan JPBD Negeri

BIL.	BAHAGIAN / PEJABAT PROJEK	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	JUMLAH PEGAWAI DI SETIAP BAHAGIAN	PERATUS (%)
1.	Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan	43	43	100
2.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	46	46	100
3.	Bahagian Korporat	30	30	100
4.	Bahagian Perancangan Wilayah	30	30	100
5.	Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan	45	45	100
6.	Pejabat Projek Zon Timur/ URP Kuantan/ URP KB	80	80	100
7.	Pejabat Projek Zon Utara	73	75	97
8.	Pejabat Projek Zon Selatan/ URP Johor	71	71	100
9.	Pejabat Projek Zon Tengah	75	75	100
10.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	30	33	91
11.	Unit Penyelarasan Projek	16	16	100
12.	Bahagian Khidmat Pengurusan	61	67	91
13.	Pejabat KP/TKP	9	9	100
14.	Unit Undang-Undang	1	1	100
15.	Unit Audit Dalam	3	3	100
16.	Unit Khas NKRA Bandar Selamat	12	12	100
JUMLAH		625	636	98

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2011

sambungan...

BIL.	JPBD NEGERI	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	JUMLAH PEGAWAI DI JABATAN	PERATUS (%)
1.	JPBD Selangor	9	11	82
2.	JPBD Perak	9	11	82
3.	JPBD Melaka	9	9	100
4.	JPBD Kedah	8	8	100
5.	JPBD Perlis	2	2	100
6.	JPBD Terengganu	7	7	100
7.	JPBD Kelantan	6	6	100
8.	JPBD Pahang	9	9	100
9.	JPBD Johor	7	7	100
10.	JPBD Pulau Pinang	8	9	89
11.	JPBD Negeri Sembilan	8	10	80
JUMLAH		82	89	92
JUMLAH KESELURUHAN		707	725	98

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2011



KURSUS JANGKA PANJANG DALAM DAN LUAR NEGARA

Jabatan telah membuka peluang yang luas kepada pegawai-pegawai untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dengan melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam negara mahu pun di luar negara. Pemilihan pegawai adalah berasaskan pengkhususan bidang Jabatan. Pada tahun 2011, seorang pegawai telah berjaya mengikuti kursus jangka panjang peringkat Doktor Falsafah (PhD), dua (2) orang di peringkat Sarjana dan seorang di peringkat Sarjana Muda .

Antara bidang-bidang pengkhususan yang diambil adalah seperti berikut:

Bidang-bidang Pengkhususan Kursus Jangka Panjang

PERINGKAT DOKTOR FALSAFAH (PhD)

Bil	Nama Pemohon	Kursus Dipohon	Universiti
1.	Mohd Sukuran bin Taib	<i>Urban Planning Development and Management</i>	Dalam Negara

PERINGKAT SARJANA

Bil	Nama Pemohon	Kursus Dipohon	Universiti
1.	Nor Mazlan bin Mohd Yunus	<i>Heritage Conservation</i>	Dalam Negara
2.	Rosmawati binti Haron	Perancangan dan Pengurusan Pembangunan	Dalam Negara

PERINGKAT SARJANA MUDA

Bil	Nama Pemohon	Kursus Dipohon	Universiti
1.	Norhisham bin Mohamad	<i>Bachelor of Urban and Regional Planning</i>	UTM, Skudai

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2011

PEPERIKSAAN SKIM PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Peperiksaan Subjek Jabatan merupakan syarat yang diperlukan untuk Pengesahan Dalam Perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan Pelukis Pelan Gred J17 yang masih dalam tempoh percubaan. Pada tahun 2011 2 Siri Peperiksaan Subjek Jabatan telah diadakan bagi pegawai-pegawai berkenaan.

Peperiksaan Subjek Jabatan Siri 1 tahun 2011 telah diadakan pada 19-22 April 2011. Seramai 161 orang calon telah memohon dan kesemuanya menghadiri peperiksaan tersebut. Daripada jumlah ini, seramai 61 orang calon daripada skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 74 orang calon daripada Skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 26 orang calon daripada Skim Pelukis Pelan Gred J17.

Peperiksaan Subjek Jabatan Siri 2 tahun 2011 telah diadakan pada 4-7 Oktober 2011. Seramai 124 orang calon telah memohon dan kesemuanya menghadiri peperiksaan tersebut. Seramai 40 orang calon daripada skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 49 orang calon skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 12 orang calon skim Pelukis Pelan Gred J17. Seramai 23 orang calon daripada skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J22 dan Gred J17 menduduki peperiksaan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

ANUGERAH DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT

SSM juga telah menyelaraskan calon-calon bagi penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sama ada negeri atau persekutuan. Calon-calon terdiri daripada pegawai-pegawai yang telah berjasa kepada negeri dan negara. Pegawai yang telah menerima Anugerah Darjah Kebesaran sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	TEMPAT BERTUGAS	DARJAH KEBESARAN
1.	Dr. Dahlia binti Rosly	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	Johan Setia Mahkota (JSM) , Sempena Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong XIII



PERJAWATAN JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA 2011

Jumlah keseluruhan tenaga kerja JPBD SM
sehingga Disember 2011 adalah seperti berikut:

PERJAWATAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Diisi	902	91
Kosong	88	9
JUMLAH	990	100

PENEMPATAN	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN	JUMLAH
Ibu Pejabat	199	482	681
Negeri	91	-	91
Kader	123	7	130
JUMLAH	413	489	902

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2011

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) melalui Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) telah menjalankan Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) mulai April 2011. Penilaian MGPWA ini merupakan satu amalan tanda aras terhadap portal dan laman web kerajaan dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan secara atas talian yang informatif, berkualiti dan mesra pengguna.

MGPWA 2011 ini melibatkan 1,155 portal dan laman web agensi-agensi kerajaan yang dinilai di mana prestasi bilangan portal dan laman web bertaraf 5 bintang telah menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang 6 tahun penilaiannya. Senario ini adalah hasil daripada penyertaan aktif agensi-agensi kerajaan. MGPWA telah memeriksa keputusan penilaian berdasarkan laporan kedudukan (*ranking reports*) eKerajaan Waseda University World. Kaedah ini digunakan untuk memberi motivasi kepada agensi-agensi kerajaan bagi mewujudkan *standard portal* atau laman web bertaraf dunia.





Sebanyak 704 laman web kerajaan yang terlibat di dalam MPGWA 2011 di mana 70 laman web agensi mendapat penarafan 5 bintang. Laman Web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mendapat penarafan 5 bintang pada kedudukan ke-6 dengan 88 markah.

KEDUDUKAN LAMAN WEB KESELURUHAN KESEPULUH TERATAS

Pada tahun 2011, sebanyak 704 laman web telah terlibat di dalam *Malaysia Government Portals & Websites Assessment 2011*. Walau bagaimanapun, hanya 35 laman web yang termasuk di dalam senarai Kesepuluh Teratas di mana Jabatan Pengairan dan Saliran serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah menduduki tempat pertama. Jumlah markah bagi kedudukan keseluruhan Kesepuluh Teratas adalah di antara 93 hingga 84 markah.

Ini menunjukkan bahawa keseluruhan tempat bagi Kesepuluh Teratas telah diberi Penarafan Lima Bintang. Berdasarkan pemerhatian, lima (5) Kementerian telah termasuk di dalam senarai Kesepuluh Teratas, bersama-sama dengan dua (2) universiti.

Kedudukan	Nama Laman Web	Markah	Bintang
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran	93	5
1.	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	93	5
2.	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	92	5
2.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	92	5
3.	Jabatan Alam Sekitar	91	5
4.	Jabatan Statistik, Malaysia	90	5
4.	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	90	5
4.	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	90	5
4.	Selangor	90	5
4.	Universiti Sains Islam Malaysia	90	5
5.	Jabatan Kehakiman Syariah	89	5
5.	Kolej Komuniti Ledang	89	5
6.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	88	5
7.	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	87	5
7.	Institut Sukan Negara	87	5
7.	Polis Diraja Malaysia	87	5
7.	<i>Southeast Asia Regional Centre For Counter-Terrorism (SEARCCT)</i>	87	5
8.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	86	5
8.	Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia	86	5
8.	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia	86	5
8.	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	86	5
8.	Portal Maklumat Desa	86	5
9.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	85	5
9.	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia	85	5

Sumber: Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC), (*Malaysia Government Portals & Websites Assessment 2011*)

KEDUDUKAN KESELURUHAN LAMAN WEB

No	Kedudukan	Nama Laman Web	URL	Pillar							P/W
				Score	Star	C	U	Sec	P	Ser	
1.	1	Jabatan Pengairan dan Saliran	http://www.water.gov.my	93	5	30	33	10	10	10	W
2.	1	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Malaysia	http://www.rurallink.gov.my/home	93	5	29	36	10	8	10	W
3.	2	Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara	http://www.kpkt.gov.my/jpspn/main.php	92	5	29	33	10	10	10	W
4.	2	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang	http://www.pdc.gov.my	92	5	30	35	10	8	9	W
5.	3	Jabatan Alam Sekitar	http://www.doe.gov.my/portal/	91	5	30	31	10	10	10	W
6.	4	Jabatan Statistik, Malaysia	http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=en	90	5	29	31	10	10	10	W
7.	4	Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)	http://www.bernama.com/bernama/v5/index.php	90	5	28	35	10	10	7	W
8.	4	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia	http://www.jmg.gov.my/en.html	90	5	30	30	10	10	10	W
9.	4	Selangor	http://www.selangor.gov.my/main.php	90	5	28	32	10	10	10	W
10.	4	Universiti Sains Islam Malaysia	http://www.usim.edu.my/usimweb	90	5	27	33	10	10	10	W
11.	5	Jabatan Kehakiman Syariah	http://www.jksm.gov.my/jksmv2/	89	5	30	32	10	10	7	W
12.	5	Kolej Komuniti Ledang	http://www.kklej.edu.my/	89	5	29	30	10	10	10	W
13.	6	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	http://www.townplan.gov.my	88	5	28	33	10	10	7	W
14.	7	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	http://www.kettha.gov.my	87	5	28	32	10	10	7	W
15.	7	Institut Sukan Negara	http://www.isn.gov.my	87	5	26	35	10	10	6	W
16.	7	Polis Diraja Malaysia	http://www.rmp.gov.my	87	5	30	28	10	10	9	W

Note: C = Content, U = Usability, Sec = Security, P = Participation, Ser = Services, B = Bonus

Sumber: Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC),
(Malaysia Government Portals & Websites Assessment 2011)

PENGURUSAN KUALITI DAN RANCANGAN STRATEGIK JABATAN

KPI JPBD SM BAGI TAHUN 2011

Pembentukan KPI Jabatan 2011 adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ 2010) yang memutuskan semua Bahagian dan JPBD Negeri membuat penambahbaikan selaras dengan program Jabatan 2011. Teras 4 Misi Nasional : Meningkatkan Tahap dan Kemampuan Kualiti Hidup di mana 2 KPI Kementerian masih dijadikan asas kepada pembentukan KPI Jabatan iaitu:

- i. Meningkatkan Liputan Kawasan Perancangan Pembangunan di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- ii. Meningkatkan Tahap Pemakaian Pemahaman Garis Panduan dan Manual Kaedah, Akta dan Maklumat Gunatanah di Peringkat Negeri.

KPI Kementerian ini telah digariskan sebagai KPI Utama Jabatan dan Ketua Pengarah serta kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah.



Hasil daripada pencapaian KPI 2010 dan cadangan penambahbaikan, JPBD Semenanjung Malaysia telah membuat penetapan bagi pelaksanaan 40 KPI bagi tahun 2011. Bidang Keberhasilan Utama atau *Key Result Areas* (KRA) Jabatan sebagaimana fungsi-fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 172 akan terus digunakan sebagai asas penetapan KPI Bahagian dan seterusnya mendukung KPI Utama Jabatan.

Dengan matlamat utama iaitu ke arah pencapaian Pematuhan Kepada Perancangan, sembilan (9) KRA telah dijadikan sebagai asas sebagai penetapan KPI iaitu:

- i. Teras 1- Dasar Perancangan Fizikal
- ii. Teras 2- Perancangan Agihan Sumber dan Guna Tanah Berkesan
- iii. Teras 3- Semakan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Gubalan Kaedah-Kaedah
- iv. Teras 4- Inovasi Dalam Perancangan
- v. Teras 5- Pengumpulan dan Penyediaan Data Tepat dan Terkini
- vi. Teras 6- Sistem Pemantauan Bersepadu
- vii. Teras 7- Jalinan Hubungan Kerjasama dan Perundingan
- viii. Teras 8- Pembangunan Sumber Manusia dan Pemantapan Organisasi
- ix. Teras 9- Kepuasan Pelanggan

JPBD Semenanjung Malaysia telah menetapkan KPI dan sasaran prestasi bagi bidang Keberhasilan Utama berdasarkan aktiviti yang telah dipersijilkan dalam MS ISO 9001:2008 dan menepati Rancangan Strategik Jabatan (RSJ 920) serta PKPA Bil. 2 Tahun 2005. Oleh itu, KPI yang ditetapkan diselaraskan dengan indikator-indikator Pelan Tindakan Rancangan Strategik Jabatan (PTRSJ) bagi mengukur PTRSJ 2011.

Secara keseluruhannya, jadual menunjukkan jumlah KPI dan agihan bagi setiap pemilik KPI yang telah dibentuk bagi Bahagian-bahagian, JPBD SM dan JPBD Negeri untuk tahun 2011 serta prestasi pencapaian KPI 2011.

Jadual Pemilik-pemilik KPI 2011

BIL	PEMILIK	Jumlah
1.	Ketua Pengarah	15
2.	Timbalan Ketua Pengarah Perancangan	10
3.	Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan	10
4.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	10
5.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	9
6.	Bahagian Korporat	9
7.	Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan	12
8.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	9
9.	Bahagian Perancangan Wilayah	10
10.	Pejabat Projek Zon Tengah	10
11.	Pejabat Projek Zon Selatan	7
12.	Pejabat Projek Zon Utara	10
13.	Pejabat Projek Zon Timur	9
14.	Unit Penyelarasan Projek	6
15.	Unit Khas NKRA Bandar Selamat	4
16.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Seksyen Pentadbiran	3
17.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Seksyen Kewangan	3
18.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Seksyen Sumber Manusia	3
19.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Seksyen Teknologi Maklumat	5
20.	Unit Audit Dalam	3
21.	JPBD Negeri Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Melaka, Kedah, Negeri Sembilan dan Perlis	11
22.	JPBD Negeri Perak, Pulau Pinang dan Kelantan	12

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

Prestasi Pencapaian KPI 2011

Tahun	Capai	Tidak Capai	Bil KPI
2008	44 KPI (62.86%)	26 KPI (37.14%)	70 KPI
2009	41 KPI (77.36%)	12 KPI (22.64%)	53 KPI
2010	37 KPI (72.55%)	14 KPI (27.45%)	51 KPI
2011	28 KPI (70%)	12 KPI (30%)	40 KPI

Prestasi Pencapaian KPI Mengikut Bidang Keberhasilan Utama (KRA)

KRA	KPI		Jumlah
	Capai	Tidak Capai	KPI
KRA 1 : Dasar Perancangan Fizikal	-	1	1
KRA 2 : Perancangan Agihan Sumber Dan Gunatanah Berkesan	5	-	5
KRA 3 : Semakan Akta 172 Dan Gubalan Kaedah-Kaedah	1	2	3
KRA 4 : Inovasi Dalam Perancangan	3	1	4
KRA 5 : Penyediaan Data Tepat Dan Terkini	2	-	2
KRA 6 : Sistem Pemantauan Bersepadu	2	2	4
KRA 7 : Jalinan Hubungan Kerjasama Dan Perundingan	10	2	12
KRA 8 : Pembangunan Sumber Manusia Dan Pemantapan Organisasi	1	2	3
KRA 9 : Kepuasan Pelanggan	4	2	6
Jumlah Keseluruhan	28	12	40

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

RANCANGAN STRATEGIK JABATAN

Rancangan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia 2006-2015 (RSJ 920) merupakan satu perancangan strategik bagi memberikan gambaran yang jelas akan arah tuju JPBD dalam merealisasikan visinya sebagai peneraju yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam sektor perancangan bandar dan desa khususnya di negara ini.

RSJ 920 menyediakan satu rangka kerja menyeluruh kepada pihak pengurusan sebagai panduan kearah mencapai tema strategik yang ditetapkan iaitu 'Kualiti Kehidupan Yang Lebih Baik Melalui Perancangan Fizikal'. Tema strategik ini akan menjadi fokus utama pembangunan dan pencapaian organisasi JPBD ke arah mencapai visi yang telah ditetapkan.

RSJ 920 telah menggariskan sembilan (9) teras strategik yang perlu dicapai oleh JPBD. Teras strategik adalah merupakan aspek-aspek yang perlu diberikan tumpuan dan dipastikan pencapaiannya untuk JPBD merealisasikan perancangan strategik yang telah disediakan. Sebanyak 66 pengukuran dijadikan asas bagi memastikan pencapaian 20 program dan 9 teras strategik yang telah digariskan. Pada tahun 2011, semua sembilan (9) teras strategik telah mencapai sasaran.

Pencapaian Teras Strategik Mengikut Tahun

TERAS STRATEGIK	PENCAPAIAN			
	2008	2009	2010	2011
Teras 1 : Pematuhan Kepada Perancangan	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 2 : Produk Bertaraf Dunia	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 3 : Kepuasan Pelanggan	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 4 : Perancangan dan Pengurusan Guna Tanah Berkesan	Tidak Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 5 : Penyelidikan dan Pembangunan	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 6 : Kerjasama Strategik	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 7 : Pembangunan Kompetensi	Tidak Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 8 : Pembangunan Teknologi Maklumat	Capai	Capai	Capai	Capai
Teras 9 : Pengurusan Sumber Kewangan	Tidak Capai	Tidak Capai	Capai	Capai

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

PELAN TINDAKAN RANCANGAN STRATEGIK JABATAN

Pelan Tindakan Rancangan Strategik Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PTRSJ) adalah merupakan pelan yang merangkumi program RSJ yang akan dilaksanakan oleh Jabatan setiap tahun.

PTRSJ 2011 merupakan kesinambungan daripada PTRSJ 2010, mengandungi program dan sub program yang telah dikenal pasti keutamaannya untuk dilaksanakan dalam tahun 2011. Pengukuran yang terkandung di dalam program PTRSJ 2011 telah dikemaskini dan dimantapkan bagi memastikan kesesuaian aktiviti dan indikator-indikator pengukuran untuk pelaksanaan pada tahun 2011.

Pengukuran PTRSJ 2011 berubah berbanding tahun 2009 bagi pengukuran yang mempunyai kaitan dengan KPI di mana sasaran KPI 2011 telah mengambilkira program Jabatan 2011 dan Teras 4 Misi Nasional : Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup di mana 2 KPI Kementerian masih dijadikan asas kepada pembentukan KPI Jabatan.

Sebanyak 66 indikator PTRSJ telah dirangka dengan pengukuran secara tahunan dan setengah tahun. Kesemua indikator tersebut mempunyai hubung kait dan menjadi asas kepada pencapaian 9 Teras Strategik RSJ 920 dan 20 Program PTRSJ. Hasil penilaian mendapati semua 20 program bagi tahun 2011 mencapai sasaran yang ditetapkan berbanding 19 program mencapai sasaran pada tahun 2010 dan 17 program mencapai sasaran pada tahun 2009.

Daripada 20 program yang mencapai sasaran pada tahun 2011, sebanyak 12 program yang indikator pengukurannya mencapai sasaran 100%.

Pencapaian Program Pelan Tindakan Rancangan Strategik Jabatan (PTRSJ)

PROGRAM PTRSJ 2011		PENCAPAIAN (%)
Program 1	: Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Orang Awam	100
Program 2	: Mempromosikan Amalan Perancangan Terbaik	100
Program 3	: Penyediaan Rancangan Pembangunan dan Pemantapan Pelaksanaan Perancangan	84.06
Program 4	: Memperkukuhkan Peranan Pengarah Negeri	91.89
Program 5	: Membangunkan Pangkalan Data Yang Komprehensif	100
Program 6	: Melaksanakan Pemantauan dan Pengauditan Secara Berkala	79.2
Program 7	: Program Perundingan Bersama Agensi Pelaksana dan Pihak Yang Berkaitan	99.2
Program 8	: Mempertingkatkan Perancangan Bersama Awam dalam Proses Penyediaan Pelan	100
Program 9	: Eksplorasi dan Pendedahan kepada Pendekatan dan Teknik-Teknik Perancangan Baru	100
Program 10	: Mempertingkatkan Penyampaian Melalui Teknologi Maklumat	96.67
Program 11	: Memperkukuhkan Fungsi Lembaga Rayuan	100
Program 12	: Menyemak dan Menambah Baik Akta 172 Secara Berterusan	90
Program 13	: Menyediakan Garis Panduan Perancangan/ Kajian Penyelidikan/ Manual Yang Baru	100
Program 14	: Kajian Semula Garis Panduan Perancangan/Manual	100
Program 15	: Pemantapan Organisasi JPBD	100
Program 16	: Kerjasama Dengan Agensi-Agensi Peringkat Antarabangsa dan Negara-Negara Luar	100
Program 17	: Penyediaan, Pelaksanaan dan Kaji Semula Pelan Induk Sumber Manusia	98.05
Program 18	: Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh	100
Program 19	: Pengurusan Sumber Kewangan	100
Program 20	: Memberikan Perkhidmatan Perancangan Yang Berkesan	84.66

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

Nota: Semua Program PTRSJ Mencapai Sasaran Seperti Yang Ditetapkan Dalam Manual Kualiti (70%)





PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN 2011



Selaras dengan penubuhan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia selama 90 tahun iaitu bermula pada tahun 1921, pelbagai pencapaian dan pengiktirafan telah diterima di atas komitmen Jabatan mewujudkan persekitaran kehidupan yang kondusif dan mampan melalui program-program yang telah dilaksanakan.

Jabatan juga sentiasa komited di dalam memenuhi ekspektasi dan kehendak *stakeholders* yang tinggi selaras dengan komitmen Kerajaan mengutamakan prestasi serta berpaksikan keutamaan kepada rakyat.

Sehubungan itu, di dalam memenuhi aspirasi berkenaan Jabatan telah mencapai kejayaan di peringkat nasional dan diberi pengiktirafan 5 Bintang ke atas Laman Web Jabatan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. (MDeC) melalui Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia (MGPWA) 2011. Kejayaan tersebut adalah hasil usaha Jabatan menaiktaraf laman web bagi menyediakan penyampaian perkhidmatan secara atas talian yang informatif, berkualiti dan mesra pengguna.

Selain itu, Jabatan turut menempa kejayaan di peringkat Kementerian melalui Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (AI-KSU) dengan memenangi tempat pertama bagi Kategori Teknikal melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat. Pengiktirafan ini bertepatan dengan agenda utama kerajaan untuk mentransformasikan Malaysia menerusi inovasi bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam.

PENARAFAN 5 BINTANG DI DALAM *MALYSIAN GOVERNMENT PORTAL AND WEBSITES ASSESSMENT 2011* OLEH *MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION (MSC)*

Pada 1 Disember 2011, Majlis Anugerah Cemerlang Laman Web Bertaraf 5 Bintang - *Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2011* telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Majlis berkenaan diadakan antara lainnya bertujuan untuk mengiktiraf 285 agensi kerajaan yang berjaya mendapat penarafan 5 bintang di dalam penilaian MGPWA 2011.

Turut tersenarai dalam penerima sijil penghargaan tersebut ialah Laman Web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia. Sijil Penghargaan telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Hj. Hassan kepada Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd. Khir.



Anugerah Cemerlang

dianugerahkan kepada
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

di atas pencapaian
Penarafan 5 Bintang

di dalam
Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2011

Tan Sri Mohd Sidek bin Hj Hassan
Ketua Setiausaha Negara

Datuk Badlisham Ghazali
Ketua Pegawai Eksekutif
Multimedia Development Corporation

**ANUGERAH INOVASI KETUA SETIAUSAHA (AI-KSU)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) 2011
TEMPAT PERTAMA (KATEGORI TEKNIKAL) – SISTEM PEMANTAUAN
BANDAR SELAMAT**

Bersempena Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT 2011 yang bertemakan 1 KPKT–Inovasi Pemangkin Transformasi, Anugerah AI-KSU telah diadakan bertujuan untuk:

- i. Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh Jabatan/ Bahagian/ Agensi di KPKT;
- ii. Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan;
- iii. Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah agensi lain; dan
- iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Pertandingan AI-KSU telah diadakan mengikut dua kategori iaitu:

i. Kategori Pengurusan

BIL.	JABATAN/BAHAGIAN/AGENSI	TAJUK PROJEK/INOVASI	PEMENANG
1.	Jabatan Kerajaan Tempatan	Proses Kelulusan Pelan Bangunan (Baru)	Tempat Pertama
2.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Menjana Produktiviti Berkualiti Menerusi Pengurusan dan Penyimpanan Rekod Kitar Semula Yang Efisien Melalui Sistem Bank Kitar Semula	Tempat Kedua
3.	Jabatan Kerajaan Tempatan	OSC Online	
4.	Jabatan Kerajaan Tempatan	Portal eJKT	
5.	Jabatan Kerajaan Tempatan	Penambahbaikan Proses Pengeluaran Lesen Premis Perniagaan	
6.	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	Transformasi Pengurusan Maklumat dan Penyampaian Perkhidmatan yang Didigitalisasikan Menerusi Sistem Pengurusan Kenderaan	
7.	Bahagian Teknologi Maklumat dan Unit Parlimen	Sistem eParlimen	

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

ii. Kategori Teknikal

BIL.	JABATAN/BAHAGIAN/AGENSI	TAJUK PROJEK/INOVASI	PEMENANG
1.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia	Kerjasama Strategik Pembangunan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)	Tempat Pertama
2.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Johor	Kelewatan Memadam Kebakaran di Kawasan Tanah Gambut	Tempat Kedua
3.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Pulau Pinang	Sistem Pemantauan Rancangan Struktur Negeri 'Electronic Monitoring of Structure Plan' (Emosplan)	
4.	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Port Dickson	Penutup Kebocoran Hos (Clamp 4)	
5.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor	Aplikasi Geo Johor	

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

Jabatan melalui Unit Khas NKRA Bandar Selamat telah memenangi **tempat pertama AI-KSU, KPKT (Kategori Teknikal) 2011** dengan mempertandingkan hasil inovasi **Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS)**. Di bawah langkah Pemetaan GIS Jenayah dan Program Bandar Selamat, SPBS bagi 12 PBT *hotspots* dan 42 balai polis *hotspots* telah berjaya dibangunkan pada akhir tahun 2010. Pelaksanaan SPBS ini telah membawa satu transformasi ke atas Sistem Laporan Polis (PRS) PDRM yang telah mengintegrasikan elemen penandaan kejadian jenayah di atas peta atas pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mempunyai koordinat.









PERKHIDMATAN TERAS

KEMAJUAN PROJEK 2011



KEMAJUAN PROJEK-
PROJEK YANG
DISEDIAKAN
PADA TAHUN 2011
DI BAWAH SISTEM
PEMANTAUAN PROJEK
(SPP II)

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Kajian Penilaian dan Pemantauan Bagi Rancangan Fizikal Negara

Kajian ini telah bermula pada 3 Januari 2011 dan masih aktif. Status kemajuan semasa adalah mengikut jadual dan dijangka siap pada 30 Oktober 2015.

Pengemaskinian Sistem Maklumat Guna Tanah Negara

Kajian ini telah bermula pada 3 Januari 2011 dan masih aktif. Status kemajuan semasa adalah mengikut jadual dan dijangka siap pada 31 Disember 2014.

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Naiktaraf Infrastruktur Keselamatan ICT JPBD

Kajian ini telah bermula pada 3 Januari 2011 dan dijangka siap sehingga peringkat draf akhir pada 15 Ogos 2016.

Naiktaraf Rangkaian *Wide Area Network* dan *Local Area Network* JPBDSDM dengan JPBD Negeri

Kajian ini telah bermula pada 3 Januari 2011 dan masih aktif. Status kemajuan semasa adalah mengikut jadual dan dijangka siap pada 31 Disember 2015.



RANCANGAN STRUKTUR

Rancangan Struktur (RS) yang disediakan di peringkat negeri adalah merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan-cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam negeri tersebut bagi tempoh jangka panjang.

Secara amnya, sejumlah 12 RS telah disediakan bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Kesemua RS tersebut telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia kecuali Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sehingga Disember 2011, sejumlah 11 RS (91.67%) telah diwartakan dan 1 RS iaitu Rancangan Struktur Negeri Perlis telah disiapkan dan dalam proses pewartaan.





RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan di peringkat daerah mengandungi peta-peta cadangan dan pernyataan bertulis yang disokong oleh garis panduan pelaksanaan. RT ini merumuskan secara terperinci mengenai cadangan-cadangan bagi memaju dan menggunakan tanah serta melindungi dan memperelok alam sekitar. Ia merupakan satu dokumen rasmi yang mentafsirkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan umum yang terkandung di dalam RS kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal.

Di bawah Sistem Pemantauan Projek (SPP II), terdapat 10 projek rancangan tempatan yang disediakan pada tahun 2011 iaitu RTD Kerian, RTD Kuala Kangsar, RTD Hilir Perak, RTJ Machang, RTJ Pasir Puteh, RTJ Tanah Merah, RTJ Kuala Krai, RTD Lipis, RTD Bandar Baru dan RTJ Jeli. Kesemua RT yang disediakan telah siap di peringkat draf dan dalam proses publisiti dan penyertaan awam.

Sehingga Disember 2011, sejumlah 91 RT bagi 86 daerah telah disediakan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, sebanyak 73 RT (80.23%) telah diwartakan, 8 RT (8.79%) telah siap dan dijangka diwartakan pada tahun 2012, manakala 10 RT (10.98%) telah siap untuk dipublisitikan.



Pasar Machang



Pengangkutan Utama
Penduduk Kuala Krai



Tasek Pergau



Jambatan Guillemard

RANCANGAN KAWASAN KHAS

Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan satu rancangan pemajuan yang mengandungi cadangan-cadangan tindakan yang khusus samada cadangan pemajuan, pemulihan, pemeliharaan ataupun cadangan pelan pengurusan untuk tujuan pelaksanaan segera bagi suatu kawasan yang telah dikenal pasti oleh Pengarah JPBD Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Sehingga Disember 2011, sejumlah 15 RKK telah diwartakan dan 7 RKK telah siap untuk tujuan pewartaan. Secara keseluruhannya, sejumlah 22 RKK disediakan bagi semua daerah di Semenanjung Malaysia.





LAPORAN PENILAIAN *OUTCOME* DAN IMPAK PROGRAM

Pada tahun 2011, JPBD telah membentangkan 1 laporan penilaian *outcome* di Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK, KPKT) iaitu Rancangan Tempatan Bagi Negeri Selangor pada 11 April 2011. (Pembentangan semula pada 12 Ogos 2011)

Di peringkat Unit Penyelarasan Pemantauan (ICU), Jabatan telah membentangkan 1 laporan penilaian di Mesyuarat Panel Penilaian *Outcome* iaitu Garis Panduan Tanah Lapang dan Rekreasi pada 20 April 2011.



TAKLIMAT MANUAL PEROLEHAN 2011 DAN E-PERUNDING

Taklimat Manual Perolehan 2011 dan e-Perunding telah diadakan pada 19 – 20 Disember 2011 di Bilik Mesyuarat Bahagian Rancangan Pembangunan, Aras 20, Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur dan telah dihadiri oleh 20 orang pegawai JPBD. Taklimat telah disampaikan oleh lima (5) orang pegawai dari Seksyen Khidmat Perundingan, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

Taklimat ini bertujuan untuk mendedahkan para pegawai JPBD khususnya pegawai-pegawai daripada Unit Penyelarasan Projek yang akan memulakan proses perlantikan perunding bagi dua (2) projek baru pada tahun 2012 berdasarkan Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011. Penerangan berkaitan kaedah perolehan bagi permohonan perlantikan perunding bagi setiap projek, proses-proses yang terlibat dan juga keperluan-keperluan lain dalam dokumen pelawaan perunding turut disampaikan. Disamping itu, pendedahan berkaitan Sistem e-Perunding dan kegunaannya dalam proses perlantikan perunding melalui sesi *hands on* turut diadakan.



PUBLISITI DAN HEBAHAN

Program Publisiti dan Penyertaan Awam 2011

Sepanjang tahun 2011, 10 Draf RT, 1 Draf RKK dan 11 RT (Pengubahan) telah diberi publisiti mengikut peruntukan subseksyen 13(1), Akta 172 yang bertujuan untuk diperiksa dan diberikan maklum balas oleh orang awam.

Senarai program publisiti dan penyertaan awam bagi tahun 2011 adalah seperti di jadual.



Program Publisiti Dan Penyertaan Awam Tahun 2011

BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Zon Tengah			
1.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2020	28 Disember 2011 – 27 Januari 2012 12 Januari 2012	Majlis Perbandaran Kuala Kangsar, Perak Hotel Impiana, Ipoh Perak (Majlis Perasmian)
2.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2020	28 Disember 2011 – 27 Januari 2012 12 Januari 2012	Majlis Perbandaran Teluk Intan, Perak Hotel Impiana, Ipoh Perak (Majlis Perasmian)
3.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020	28 Disember 2011 – 27 Januari 2012 12 Januari 2012	Majlis Daerah Kerian, Perak Hotel Impiana, Ipoh Perak (Majlis Perasmian)
4.	Rancangan Tempatan Daerah Majlis Perbandaran Klang 2020 (Penggubahan 1)	15 April 2011 – 31 Mei 2011 (dilanjutkan sehingga 30 Jun 2011)	- Majlis Perbandaran Klang - JPBD Selangor - Pejabat Exco Selangor, Seksyen 7 Shah Alam
5.	Rancangan Tempatan Daerah Majlis Perbandaran Sepang 2020 (Penggubahan 1)	15 April 2011 – 31 Mei 2011	- Majlis Perbandaran Sepang - JPBD Selangor - Pejabat Exco Selangor, Seksyen 7 Shah Alam

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011



BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Zon Timur			
1.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Jeli 2020	15 November – 22 Disember 2011 23 November 2011	• Pejabat Tanah Jajahan Jeli • Pasar Pagi Kuala Balah, Gunung Reng serta Bandar Jeli • Pusat Dakwah Jeli Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan (Majlis Perasmian)
2.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai 2020	15 November – 22 Disember 2011 23 November 2011	• Majlis Daerah Kuala Krai • Majlis Daerah Dabong • Pejabat MDD, Cawangan Laloh Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan (Majlis Perasmian)
3.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Machang 2020	15 November hingga 22 Disember 2011 23 November 2011	• Majlis Daerah Machang Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan (Majlis Perasmian)
4.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2020	15 November – 22 Disember 2011 23 November 2011	• Majlis Daerah Pasir Puteh Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan (Majlis Perasmian)
5.	Draf Rancangan Tempatan Jajahan Tanah Merah 2020	15 November – 22 Disember 2011 23 November 2011	• Majlis Daerah Tanah Merah Hotel New Pacific, Kota Bahru, Kelantan (Majlis Perasmian)
6.	Draf Rancangan Tempatan Daerah Lipis 2020	1 – 30 November 2011 1 November 2011	• Dataran Mela, Lipis • Kompleks Teratai, Padang Tengku • Terminal Bas Sungai Koyan, Benta dan Anggerik • Bit Polis, Lipis • Pejabat PEKAP, Kuala Lumpur Dewan Sultan Haji Ahmad Shah, Kuala Lipis (Majlis Perasmian)

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011



BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
7.	Rancangan Tempatan Daerah Kuantan 2015 (Pengubahan)	26 April – 25 Mei 2011	• Wisma Belia Indera Mahkota • Majlis Perbandaran Kuantan
8.	Rancangan Tempatan Daerah Pekan (Pengubahan)	11 Julai – 11 Ogos 2011	• Majlis Daerah Pekan
9.	Rancangan Tempatan Daerah Raub (Pengubahan)	12 Oktober – 12 November 2011	• Majlis Daerah Raub
10.	Rancangan Tempatan Daerah Bera (Pengubahan)	11 Julai – 11 Ogos 2011	• Majlis Daerah Bera
11.	Rancangan Tempatan Daerah Rompin (Pengubahan)	28 Oktober – 28 November 2011	• Majlis Daerah Rompin

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011



BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Zon Utara			
1.	Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Kangar 2007-2020	24 Oktober – 2 Disember 2011 14 November 2011	• Pasaraya C-Mart, Arau • Pejabat MP Kangar, Caw. Kuala Perlis • Pejabat MP Kangar, Caw. Padang Besar • Pejabat Pengurusan MP Kangar, Simpang Empat Dewan 2020, Kompleks DUN Perlis (Majlis Perasmian)
2.	Draf Rancangan Kawasan Khas Pantai Chenang, Langkawi	9 Disember 2011 – 5 Januari 2012 8 Disember 2011	• Jeti Point, Langkawi • Laman Padi, Langkawi • Langkapuri Inn, Langkawi The Westin Langkawi Resort & Spa, Langkawi (Majlis Perasmian)

Sumber: Unit Penyelarasan Projek , 2011



BIL.	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
Zon Selatan			
1.	Rancangan Tempatan Daerah Johor Bharu 2020 (Pengubahan 1)	19 April – 18 Mei 2011	• Majlis Bandaraya Johor Bharu • Puteri Pan Pacific, Johor Bharu
2.	Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002-2015 (Pengubahan)	19 April – 18 Mei 2011 (Dilanjutkan sehingga 18 Jun 2011)	• Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat • Dewan Jubli Intan, Batu Pahat
3.	Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002-2015 (Pengubahan)	19 April – 18 Mei 2011 (Dilanjutkan sehingga 18 Jun 2011)	• Pejabat Tanah Daerah Muar • Dewan Jubli Intan, Muar
4.	Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2002-2015 (Pengubahan)	19 April – 18 Mei 2011	• Pejabat Tanah Daerah Pontian • Dewan Jubli Intan, Pontian

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011



KAJIAN PROSEDUR PERANCANGAN DAN SEBARAN

STATUS PENYEDIAAN GARIS PANDUAN / PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD SEHINGGA DISEMBER 2011

Pada tahun 2011, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah melaksanakan semakan semula ke atas semua garis panduan perancangan. Status kelulusan mengikut peringkat Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Status Kelulusan Mengikut Peringkat Jawatankuasa

BIL.	GARIS PANDUAN	STATUS
1.	Garis Panduan Perancangan Perumahan	Mesyuarat JPP, JPBD
2.	Garis Panduan Perancangan Kemudahan Perindustrian	
3.	Garis Panduan Perancangan Perdagangan	
4.	Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi	
5.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Pulau-pulau dan Taman Laut	
6.	Garis Panduan Perancangan Tapak Utiliti dan Infrastruktur	
7.	Garis Panduan Perancangan Kawasan Sensitif Alam Sekitar	
8.	Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta	
9.	Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung	Mesyuarat JPP, KPKT
10.	Garis Panduan Perancangan Taman Tema	
11.	Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat	
12.	Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (<i>Universal Design</i>)	Jemaah Menteri
13.	Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan <i>Brownfield</i>	
14.	Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau	
15.	Garis Panduan Perancangan TADIKA dan TASKA	

Sumber: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, 2011



**STATUS PINDAAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976
[AKTA 172] SEHINGGA DISEMBER 2011**


TARIKH	STATUS
21 Januari 2011	Perbincangan Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 bersama Penasihat Undang-Undang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Perbincangan yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan bertujuan untuk memuktamadkan Jadual Cadangan Pindaan Akta 172 sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT.
6 Mei 2011	Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 telah dibawa untuk dibentangkan di Mesyuarat JPP Bil.2/2011, KPKT yang bertujuan untuk mendapatkan pertimbangan dan persetujuan di peringkat Kementerian.
14 Jun 2011	Pembentangan Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 dibuat di Mesyuarat Pra-Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) di JPBD Melaka.
27 Jun 2011	Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 ini juga telah dibentangkan di Mesyuarat JPN dan di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB).
5 Julai 2011	JPN Melaka
14 Julai 2011	JPN Terengganu
18 Julai 2011	JPN Perlis
25 Julai 2011	JPN Negeri Sembilan
1 Ogos 2011	JPN Kedah
9 Ogos 2011	JPN Perak
9 Ogos 2011	JPN Johor
11 Ogos 2011	JPN P.Pinang
20 Ogos 2011	JPN Kelantan
25 Ogos 2011	JPN Selangor
13 September 2011	JPN Pahang Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB)

Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2011




24 Ogos 2011	Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 ini seterusnya dibentangkan di Mesyuarat Penyelarasan Perancangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Perak Darul Ridzuan Bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ketua Unit Pusat Setempat (OSC) Bil.2/2011 untuk pemakluman.
3 November 2011	Kertas Cadangan Pindaan Akta 172 ini dibentangkan di Mesyuarat Bersama <i>Stakeholders</i> bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas.
23 November 2011	Draf Memorandum Jemaah Menteri : Rang Undang-Undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Pindaan) 2011 dan Jadual Cadangan Pindaan Akta 172 (versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) telah dihantar kepada PUU KPKT untuk semakan dan penyediaan RUU.
6 Disember 2011	Satu pembentangan Cadangan Pindaan Akta 172 kepada Pihak Berkuasa Tempatan diadakan di Negeri Kelantan.


Sumber: *Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2011*



PROSES PINDAAN AKTA 172



(sambungan)



Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2011

PROGRAM *EXPERT TALK*

Universal Design: The Singapore Experience

oleh En. Michael Vong daripada Surbana International Consultant, Singapura

- 24 Jun 2011 di Hotel Putra, Kuala Lumpur.
- Seramai 80 orang peserta telah menghadiri program ini bertujuan untuk memberi pendedahan, bertukar fikiran, ilmu pengetahuan dan pengalaman berkaitan perancangan dan pembangunan rekabentuk sejagat kawasan perumahan di Singapura.



Value Capture and Value Creation

oleh Puan Audrey Teo Loh daripada *Singapore Institute of Planners*

- 15 November 2011 di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur.
- Program diadakan bersempena Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia Ke-25 yang telah dihadiri oleh 101 orang Pegawai-Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa. Ianya bertujuan memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman dalam kaedah yang digunapakai untuk perancangan pembangunan di Singapura, Hong Kong dan China.



Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)

oleh Pn. Siow Suan Neo, Ketua Unit Khas NKRA Bandar Selamat, JPBD Semenanjung Malaysia

- 22 Jun 2011 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.
- Seramai 70 orang peserta telah menghadiri sesi *Expert Talk* ini yang diadakan bertujuan untuk memberi hebahan dan memperkenalkan konsep CPTED kepada *Principal Submitting Person* (PSP) iaitu perancang bandar, arkitek, arkitek lanskap, jurutera dan pemaju supaya menerapkan konsep CPTED dalam perancangan fizikal.



PROGRAM *TEACH IN*

Sesi *Teach-In* Sistem Maklumat Profil Bandar

Program *Teach-In* Sistem Maklumat Profil Bandar dilaksanakan bagi menerangkan Dasar Perbandaran Negara (DPN) khususnya dasar kedua mengenai pembangunan bandar yang berdasarkan Sistem Hierarki Bandar DPN dan Kajian Profil Bandar (KPB). Selain itu, ianya turut memberi pendedahan dan kefahaman bagi menggunakan Sistem Maklumat Profil Bandar (SMPB) secara *hands on* kepada peserta.

Kumpulan sasaran

PBT, JPBD Negeri dan Agensi-Agensi Teknikal Yang Berkaitan.

Tempat

- 25 Mei 2011 di Hotel Felda Residence, Kuala Terengganu, Terengganu.
- 26 Julai 2011 di Hotel Holiday Villa, Alor Setar, Kedah.
- 15 September 2011 Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Sesi Teach-in Landuse Portal and Planning

- Memberi pendedahan secara menyeluruh kepada kumpulan sasaran berkenaan penggunaan *Landuse Portal* dan JPBD *Dataware*.
- Memberi latihan secara *Teach-In* berkenaan proses dan aplikasi *Landuse Portal* dan JPBD *Dataware*.
- Memberi ruang dan peluang kepada kumpulan sasaran untuk membincangkan sebarang perkara berkenaan *Landuse Portal* dan JPBD *Dataware* dalam medium berbentuk bengkel.
- Merapatkan peluang untuk membuat penambahbaikan ke atas pembangunan *Landuse Portal* dan JPBD *Dataware* di masa hadapan.

Kumpulan sasaran

Pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Sokongan di JPBD Ibu Pejabat dan Negeri.

Tempat

- 12 – 14 Julai 2011 di Hotel Glory Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sesi Teach-in Pelaksanaan Inisiatif Makmal Pembangunan Hartanah (MPH)

Memberi pendedahan dan kefahaman mengenai pelaksanaan Inisiatif Makmal Pembangunan Hartanah. Perkara-perkara yang dibincangkan ialah:

Inisiatif 7 : Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA) dan edaran Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA : *Exemption from Planning Approval*)

Inisiatif 8 : Menambah Baik Manual Laporan Cadangan Pemajuan dan edaran Manual Laporan Cadangan Pemajuan Edisi Kedua

Inisiatif 13 : Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti

Kumpulan Sasaran

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), JPBD Negeri, Agensi Teknikal, Perunding Swasta dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam pembangunan hartanah.

Tempat

- 13 Oktober 2011 (Siri 1 – Zon Selatan) di Hotel World Youth, Melaka.
- 9 November 2011 (Siri 2 – Zon Tengah) di Hotel Grand Bluewave, Shah Alam, Selangor.
- 30 November 2011 (Siri 3 – Zon Utara) di Hotel Regency, Alor Setar, Kedah.
- 5 Disember 2011 (Siri 4 – Zon Timur) di Hotel New Pacific, Kota Bharu, Kelantan.







PENGURUSAN PELANGGAN

PENGURUSAN PELANGGAN



Jabatan telah melaksanakan Kajian Kepuasan Pelanggan meliputi 2 Kategori iaitu:

- i. Kajian kepuasan pekerja
- ii. Kajian kepuasan pelanggan

KAJIAN KEPUASAN PEKERJA

Staff Satisfaction Survey (SSS) adalah merupakan salah satu kriteria pengurusan organisasi yang telah diperkenalkan oleh MAMPU. Ia merupakan satu kaedah bagi mengukur tahap kepuasan di kalangan warga JPBD Ibu Pejabat dan JPBD Negeri.

Tujuan utama adalah :

- Untuk memantapkan kualiti pengurusan Jabatan;
- Mewujudkan ruang untuk penglibatan anggota warga di dalam pengurusan kualiti Jabatan; dan
- Membantu dalam merancang serta melaksanakan pelbagai program yang bersesuaian di masa hadapan.



Mengikut kriteria daripada MAMPU, kajian kepuasan warga JPBD diletakkan di bawah Pengurusan Pelanggan (Kepuasan Pelanggan). Penerangan skala *likert* yang telah ditetapkan oleh MAMPU adalah seperti berikut :

- Tidak Memuaskan (< 20%)
- Kurang Memuaskan (20% - <40%)
- Memuaskan (40% - < 60%)
- Baik (60% - < 80%)
- Cemerlang (80% dan ke atas)

Kajian kepuasan warga JPBD bagi Bahagian/Pejabat Projek menunjukkan pencapaian tahap kepuasan sebanyak 90% manakala bagi JPBD Negeri pencapaian tahap kepuasan adalah sebanyak 91%. Peratusan pencapaian ini menunjukkan pencapaian tahap kepuasan dalam skala *likert* 'cemerlang (80% ke atas)' dalam penilaian *Star Rating* (MAMPU). Untuk mengekalkan tahap cemerlang tindakan susulan yang berkesan perlu dilaksanakan bagi memantapkan kualiti pengurusan Jabatan.


Tahap Keseluruhan Kepuasan Warga JPBD

PERKARA	TAHAP KEPUASAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)		JUMLAH (%)
		BAHAGIAN/ PEJABAT PROJEK	JPBD NEGERI	
Iklim Organisasi	Cemerlang / Baik	54	63	58.5
	Memuaskan	38	30	34.0
	Tidak / Kurang Memuaskan	8	7	7.5
	Jumlah Keseluruhan			100
Kepuasan Kerja	Cemerlang / Baik	53	62	57.5
	Memuaskan	38	31	34.5
	Tidak / Kurang Memuaskan	9	7	8.0
	Jumlah Keseluruhan			100
Persekitaran Tempat Kerja	Cemerlang / Baik	50	52	51.3
	Memuaskan	38	34	36.2
	Tidak / Kurang Memuaskan	11	14	12.5
	Jumlah Keseluruhan			100
Penghayatan dan Penglibatan dalam Pengurusan Kualiti	Ya	69	82	75.5
	Tidak	31	18	24.5
	Jumlah Keseluruhan			100


Sumber: Bahagian Korporat, 2011

i. Iklim Organisasi

Tahap Kepuasan Bagi Iklim Organisasi Secara Keseluruhan



Tahap Kepuasan Mengikut 15 Perkara Yang Dikaji Dalam Iklim Organisasi Bagi Bahagian /Pejabat Projek



Berpuas Hati

Perkara 5 : Peluang Menghadiri Latihan (61%)
 Perkara 4 : Peluang Gunakan Potensi Diri (60%)
 Perkara 14 : Amalan Saling Hormat Menghormati (60%)


Tidak Berpuas Hati

Perkara 10 : Keprihatinan Terhadap Masalah Kerja (20%)
 Perkara 9 : Berkommunikasi Mengenai Misi, Visi & Strategi JPBD (11%)
 Perkara 7 : Keadilan Penilaian Prestasi Kerja (11%)


Sumber: Bahagian Korporat, 2011

ii. Kepuasan Kerja

Tahap Kepuasan Kerja Secara Keseluruhan



Tahap Kepuasan Mengikut 10 Perkara Yang Dikaji Dalam Kepuasan Kerja Bagi Bahagian / Pejabat Projek



Berpuas Hati

Perkara 9 : Perasaan Pencapaian Dalam Perkhidmatan Awam (62%)
 Perkara 6 : Gaji Setimpal Dengan Tugas Yang Dilaksanakan (59%)
 Perkara 5 : Tanggungjawab Bersesuaian Dengan Keupayaan dan Kelayakan (59%)


Tidak Berpuas Hati

Perkara 7 : Peluang Mendapatkan Penghargaan & Pengiktirafan Hasil Kerja Cemerlang (17%)
 Perkara 1 : Peluang Melakukan Kerja Berbeza Dari Semasa ke Semasa (14%)
 Perkara 10 : Amalan Pemberian Galakan / Pujian Oleh Penyelia / Ketua Jabatan (11%)


Sumber: Bahagian Korporat, 2011

iii. Persekitaran Tempat Kerja

Tahap Kepuasan Bagi Persekitaran Tempat Kerja Secara Keseluruhan



Tahap Kepuasan Mengikut 6 Perkara Yang Dikaji Bagi Kemudahan-Kemudahan Lain



Berpuas Hati


Perkara 4 : Kemudahan Mesin Fotostat (60%)
 Perkara 3 : Kemudahan Telefon (58%)
 Perkara 1 : Komputer dan Pencetak Yang Mencukupi (57%)

Tidak Berpuas Hati

Perkara 2 : Kemudahan Talian Internet (21%)
 Perkara 6 : Ruang Bilik Mesyuarat (14%)
 Perkara 5 : Ruang Pejabat (12%)

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

iv. Penghayatan Dan Penglibatan Dalam Pengurusan Kualiti



Berpuas Hati	Tidak Berpuas Hati
Perkara 1 : Visi, Misi dan Objektif Kualiti Jabatan (88%) Perkara 3 : Merujuk PKPA dalam tugas (88%) Perkara 4 : Faham MS ISO dalam tugasan (88%)	Perkara 7 : Pernah Mencadangkan Cadangan Q (76%) Perkara 6 : Tahu bahawa boleh menyalurkan Cadangan Q (46%) Perkara 2 : Bilangan PKPA dan kandungannya (38%)

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

Perbandingan 4 Aspek Utama Yang Dikaji Bagi Tahun 2010 Dan 2011



Sumber: Bahagian Korporat, 2011

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pelanggan dijalankan ke atas pelanggan Jabatan yang terdiri daripada perunding, pembekal, agensi teknikal/kementerian berkaitan, PBPT, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi. Secara keseluruhan, tahap Kajian Kepuasan Pelanggan mencapai purata skor memuaskan (3) dan baik (4).

Skor Pencapaian Kepuasan Pelanggan

BIL.	BAHAGIAN	PURATA SKOR BAHAGIAN B*	PURATA SKOR BAHAGIAN C**	MOD SKOR TERTINGGI
1.	Bahagian Korporat i. Galeri Rosli Buyong	4 4	4 4	4 4
2.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	4	4	4
3.	Bahagian Khidmat Pengurusan i. Seksyen Sumber Manusia ii. Seksyen Teknologi Maklumat iii. Pusat Sumber	3 3 4 3	3 3 4 3	3 3 4 3
4.	Bahagian Rancangan Pembangunan i. Pejabat Projek Zon Tengah ii. Pejabat Projek Zon Selatan iii. Pejabat Projek Zon Timur iv. Pejabat Projek Zon Utara v. Unit Penyelarasan Projek	4 4 4 4 4	4 4 4 4 4	4 4 4 4 4
5.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	4	4	4
6.	Bahagian Perancangan Wilayah	4	4	4
7.	Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan	4	4	4
8.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	4	4	4

Sumber: Bahagian Korporat, 2011

Nota : Tidak Berkaitan (TB) Tidak Memuaskan (1) Sederhana Memuaskan (2) Memuaskan (3) Baik (4)

*Bahagian B : Perkhidmatan dan Kemudahan Am Jabatan

**Bahagian C : Perkhidmatan Bahagian

PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN

Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran awam tentang fungsi dan peranan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di dalam memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna di Semenanjung Malaysia. Di samping itu, program tersebut juga adalah untuk mempromosikan produk-produk Jabatan kepada pengetahuan awam. Pada tahun 2011, HBP telah diadakan pada tarikh dan lokasi seperti berikut:

BIL.	TARIKH	LOKASI PROGRAM HBP
1.	18 Januari 2011	Galeri Rosli Buyong, JPBD SM
2.	10 Februari 2011	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya
3.	30 Mac 2011	Ruang Legar Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara (UiTM Shah Alam, Selangor)
4.	1 April 2011	Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Perdana, Kuala Lumpur
5.	7 hingga 8 Mei 2011	Dataran Merdeka, Kuala Lumpur
6.	24 Mei 2011	Hotel Parkroyale, Kuala Lumpur
7.	16 Jun 2011	UiTM Sri Iskandar, Perak
8.	24 Ogos 2011	Galeri Rosli Buyong, JPBD SM
9.	29 September hingga 2 Oktober 2011	Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi, Selangor
10.	3 Oktober 2011	Perkarangan Dewan Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya
11.	23 November 2011	Hotel New Pacific, Kota Bharu, Kelantan
12.	22 Disember 2011	Jeti Point, Langkawi, Kedah

Sumber: Bahagian Korporat, 2011



UiTM SHAH ALAM
Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur
30 MAC 2011



UiTM SRI ISKANDAR
16 JUN 2011



SMK DESA PERDANA, KL
1 APRIL 2011



PICC

Dasar Rumah Negara

10 APRIL 2011



DATARAN MERDEKA K.L

7-8 MEI 2011



TAMAN TASIK CEMPAKA, BANGI
Pelanciran Dasar Landkap Negara
29 Sep - 2 Okt 2011



PICC
Sambutan Hari Habitat
3 Oktober 2011

LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA

Jabatan sentiasa membuka ruang kepada delegasi dalam dan luar negara untuk berkongsi pengalaman, kepakaran serta bertukar fikiran dan pandangan di dalam hal ehwal perancangan di Malaysia. Sehingga Disember 2011, Jabatan telah menerima tiga (3) lawatan daripada institusi pengajian tinggi dalam negara dan 10 delegasi daripada luar negara.



Lawatan Delegasi UK Trade and Investment, United Kingdom

22 Februari 2011

BIL.	DELEGASI YANG HADIR	BIL. DELEGASI	TARIKH	TEMPAT	TUJUAN
1.	Emeritus Professor Tere Mc Gee daripada University British Columbia, Canada	1 orang	12 Mei 2011	Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Pejabat Projek Zon Tengah	Program perkongsian ilmu oleh Emeritus Professor Tere Mc Gee bersama 35 orang pegawai JPBD berkaitan <i>Planning Sustainable Futures for Multi-Functional Urban Regions : Idea for the Kuala Lumpur Mega – Urban Region.</i>
2.	Kunjungan Hormat daripada <i>Japan International Cooperation Agency</i> (JICA)	2 orang	1 Jun 2011	Bilik Mesyuarat Melati, JPBD Ibu Pejabat	Membincangkan persediaan Lawatan Belajar Pegawai-Pegawai Kerajaan Afghanistan pada 5 Julai 2011.
3.	Lawatan Ilmiah Pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu	13 orang	25 Julai 2011	Bilik Mesyuarat Melati, JPBD Ibu Pejabat	Mendapatkan maklumat berhubung peluang kerjaya di dalam bidang perancangan bandar dan desa serta penglibatan JPBD di dalam aspek pengurusan zon pesisir pantai.
4.	Lawatan Belajar Pegawai-Pegawai Kerajaan Afghanistan	12 orang	5 Julai 2011	Bilik Mesyuarat Utama, KPKT	Berkongsi pengalaman Malaysia di dalam pembangunan dan pengurusan bandar termasuk bandar baru.
5.	Lawatan Ahli-ahli Majlis Bandaraya Jecheon Korea Selatan	16 orang	7 Julai 2011	Bilik Mesyuarat Utama, KPKT	Mempelajari langkah-langkah yang diambil di dalam mentadbir dan membangunkan bandar-bandar ke arah keselesaan, keindahan, keselamatan dan kesejahteraan.
6.	Lawatan Delegasi Pegawai Kanan Kerajaan Iraq	11 orang	12 September 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Berkongsi idea dan menjadikan Malaysia sebagai model dan penanda aras perancangan eko-sistem yang komprehensif.
7.	Lawatan Delegasi Korea Selatan	2 orang	15 September 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Berkongsi pengalaman pelaksanaan konsep CPTED di negara Korea Selatan melalui taklimat yang telah disampaikan oleh CEO <i>Vision Ride</i> , En. Min Jung Kim dan Cik Laura Kim.
8.	Lawatan Teknikal Delegasi Laos	13 orang	7 Oktober 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Berkongsi pengalaman berkaitan polisi dan perancangan guna tanah di Semenanjung Malaysia.




Lawatan Belajar Pegawai-pegawai Kerajaan Afghanistan

5 Julai 2011



BIL.	DELEGASI YANG HADIR	BIL. DELEGASI	TARIKH	TEMPAT	TUJUAN
9.	Lawatan Akademik Pelajar-Pelajar Tahun 3, Program BBA (Hon) Transport UiTM Kampus Puncak Alam, Selangor	31 orang	2 November 2011	Bilik Mesyuarat Bahagian Rancangan Pembangunan Aras 20, Wisma Tun Sambanthan	Mendapatkan maklumat berkaitan latar belakang JPBD, kepentingan penyediaan rancangan tempatan serta garis panduan dan piawaian perancangan pengangkutan.
10.	Lawatan Akademik Pelajar-Pelajar Semester 1, Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah (Kepujian) UiTM Shah Alam, Selangor	36 orang	29 November 2011	Bilik Mesyuarat Bahagian Rancangan Pembangunan Aras 20, Wisma Tun Sambanthan	Mendapatkan maklumat berhubung latar belakang, fungsi dan peranan JPBD.
11.	Lawatan Teknikal Delegasi Yangon City Development Council	6 orang	24 November 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Mendapatkan maklumat berhubung peranan dan fungsi JPBD di peringkat persekutuan dan hubungan dengan pihak berkuasa tempatan serta polisi dan perancangan guna tanah di Semenanjung Malaysia.
12.	Lawatan daripada Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Brunei Darussalam, En. Awang Hong Kok Seng	1 orang	2 Disember 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Mendapatkan maklumat berhubung peranan dan fungsi JPBD serta pelaksanaan NKRA Bandar Selamat.
13.	Lawatan Teknikal Delegasi Vietnam	6 orang	15 Disember 2011	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat	Mendapatkan maklumat berkaitan peranan dan fungsi Jabatan serta berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah di Semenanjung Malaysia.

Sumber: Bahagian Korporat, 2011



**Lawatan
Ahli-Ahli Majlis Bandaraya
Jecheon Korea Selatan**

7 Julai 2011



Lawatan Delegasi Pegawai Kanan Kerajaan Iraq

12 September 2011



**Lawatan Akademik
Pelajar-Pelajar Tahun 3,
Program BBA (Hon) Transport
UiTM Kampus Puncak Alam,
Selangor**

2 November 2011



Lawatan Pesuruhjaya
Jabatan Perancangan
Bandar dan Desa
Brunei Darussalam,
Awang Hong Kok Seng

2 Disember 2011





IMBASAN AKTIVITI JABATAN 2011



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL DAN AQIQAH

17 FEBRUARI 2011

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Jabatan telah diadakan pada 17 Februari 2011 (Khamis) bersamaan dengan 14 Rabiul Awal 1432 di Perkarangan Tempat Letak Kereta Ibu Pejabat, JPBD Semenanjung Malaysia. Program Aqiqah telah dilaksanakan sehari sebelum sambutan dengan mengorbankan seekor lembu dan turut diadakan majlis gotong-royong memasak juadah.

Seramai 100 orang telah hadir bagi mendengar Ceramah Agama sempena Sambutan Maulidur Rasul yang bertemakan '1 Malaysia, 1 Ummah' yang telah disampaikan oleh Ustaz Raihan Bin Aziz dari Jabatan Syariah, Bank Islam Malaysia. Selain itu, bacaan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w. yang diketuai oleh En. Mohamad Bin Hj. Abdul Kadir dan En. Darwisma Bin Hassan turut diadakan.



MAJLIS MAKAN MALAM PERSADA

28 MAC 2011

Majlis Makan Malam PERSADA bertemakan '1001 Malam' telah diadakan pada 27 Mac 2011 (Ahad) di Hotel Istana, Kuala Lumpur. YBhg. Dato' Mohd. Fadzil Bin Haji Mohd. Khir serta ditemani YBhg. Datin Norizah Haji Rubangi, Presiden PERSADA, En. Abdul Jamil Bin Arshad dan kira-kira seramai 100 orang ahli PERSADA telah hadir ke majlis berkenaan dengan kostum bertemakan majlis.

Pelbagai atur cara menarik telah diadakan seperti persembahan karaoke, tarian, persembahan setiap zon, cabutan bertuah dan pertukaran hadiah antara ahli. Hadirin bertuah pada malam itu yang telah menjadi pilihan juri bagi kostum terbaik dimenangi oleh Dr. Dolbani bin Mijan (Kategori Lelaki) dan Pn. Wardiyah binti Senik (Kategori Wanita).

MESYUARAT AGUNG PERSADA KE-XVI

28 MAC 2011

Mesyuarat Agung Ke-XVI Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa (PERSADA) telah diadakan pada 28 Mac 2011 (Isnin) di Auditorium Tan Sri Dato' K.R. Soma, Wisma Tun Sambanthan.

PERSADA mempunyai keahlian seramai 378 orang yang terdiri daripada Pegawai Perancang Bandar dan Desa di peringkat Persekutuan, Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan. Ahli Jawatankuasa PERSADA bagi sesi 2011-2013 telah dilantik dan diterajui oleh Presiden PERSADA, En. Abdul Jamil bin Arshad.



MAJLIS PELANCARAN SISTEM PEMANTAUAN BANDAR SELAMAT

5 APRIL 2011



Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah dilancarkan pada 5 April 2011 (Selasa) oleh YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama YB Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Dalam Negeri di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah YBhg. Tan Sri Ismail bin Omar (Ketua Polis Negara), YBhg. Dato' Ahmad bin Haji Kabit (Ketua Setiausaha KPKT) dan YBhg. Dato' Mohd Fadzil bin Haji Mohd Khir (Ketua Pengarah JPBD, Semenanjung Malaysia).

SPBS bagi 12 PBT *hotspots* dan 42 balai polis *hotspots* beroperasi pada 1 Januari 2011 merupakan satu transformasi ke atas Sistem Laporan Polis (PRS) PDRM yang telah mengintegrasikan elemen penandaan kejadian jenayah di atas peta atas pelantar Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang mempunyai koordinat.



“... di bawah langkah Pemetaan GIS Jenayah dan Program Bandar Selamat, Sistem Pemantauan Bandar Selamat bagi 12 PBT *hotspots* dan 42 balai polis *hotspots* telah berjaya dibangunkan pada akhir tahun 2010...”



MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA KE-13 DAN KE-14

26 APRIL DAN 22 NOVEMBER 2011

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah ditubuhkan pada tahun 2003 selaras dengan pindaan Akta 172 pada tahun 2001 sebagai satu usaha untuk menangani masalah pasaran dalam sektor hartanah dan penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan tempatan dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa.

Sebanyak 14 mesyuarat telah bersidang sejak 2003 dan terkini telah diadakan pada 22 November 2011 (Selasa) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. MPFN ini diurusetikan oleh JPBD SM dan Ketua Pengarah JPBD SM merupakan Setiausaha MPFN.

Sebanyak 11 kertas kerja telah dibentangkan di dalam Mesyuarat MPFN Bil.1/2011 dan MPFN Bil.2/2011, antaranya berkaitan dengan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Kertas kerja berkenaan dengan Sumbangan Dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10);
- ii. Kertas kerja bagi mendapatkan persetujuan dan kelulusan Draf Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030;
- iii. Kertas untuk mendapat nasihat bagi cadangan pemajuan di bawah Akta 172; dan
- iv. Kertas makluman Status Pewartaan Tanah Lapang bagi Semenanjung Malaysia sehingga Jun 2011 dan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM).





MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

17 FEBRUARI 2011

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang telah diadakan pada 7 Jun 2011 (Selasa) di Dewan De'Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ahmad bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah sudi menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 kepada 59 penerima anugerah.

Majlis turut meraikan 58 orang pegawai yang berkhidmat selama 30 tahun dan 5 orang pesara melalui penyampaian sijil penghargaan oleh YBhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Haji Mohd. Khir, Ketua Pengarah, JPBD Semenanjung Malaysia. YBhg. Datin Hj. Nooraini binti Haji Ismail, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Korporat telah menerima Anugerah Mithali 2010.



SUKAN NASIONAL JPBD KE-15 (SUKNA XV)

9 – 12 JUN 2011

Sukan Nasional Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Ke-15 (SUKNA XV) telah diadakan pada 9 hingga 12 Jun 2011 di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) Jitra, Kedah. SUKNA XV yang dianjurkan oleh JPBD Negeri Kedah telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Ahmad bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Antara acara sukan yang dipertandingkan ialah Badminton, Bola Jaring, Bola Sepak, Bola Tampar, Sepak Takraw, Futsal, Ping Pong, Dart, Tarik Tali, Karom dan Tenpin Bowling.

Majlis Makan Malam bagi penutupan SUKNA XV telah diserikan dengan kehadiran YB Dato' Wira Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di majlis berkenaan, Kontinjen Zon Tengah telah diumumkan sebagai Johan Keseluruhan SUKNA XV. Olahragawan SUKNA XV telah dinobatkan kepada En. Mawardi bin Said dari Zon Utara dan Pn. Wardiyah binti Senik @ Abdul Mokhti dari Zon Tengah sebagai olahragawati.



SAMBUTAN BULAN RAMADHAN



MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KETUA PENGARAH

18 OGOS 2011

Majlis Berbuka Puasa Bersempena Ramadhan Al-Mubarak 1432 Hijrah telah diadakan pada 18 Ogos 2011 (Khamis) di Perkarangan Tempat Letak Kereta, JPBD Ibu Pejabat. Seramai 250 orang pegawai dan kakitangan JPBD berserta ahli keluarga telah hadir bagi bersama-sama menjayakan program tahlil, ceramah agama, majlis berbuka puasa dan sembahyang sunat terawih secara berjemaah.

Majlis turut dimeriahkan dengan program cabutan bertuah serta pemberian duit raya kepada anak-anak kakitangan JPBD yang berumur di bawah 15 tahun.



AGIHAN BUBUR LAMBOK

Pengagihan bubur lambok pada setiap hari Rabu kepada warga JPBD SM oleh Jawatankuasa Surau JPBD SM.



MAJLIS KHATAM AL-QURAN

Majlis Khatam Al-Quran beramai-ramai warga JPBD SM. Majlis penyampaian cenderahati kepada semua ahli kumpulan yang terlibat.



HARI INOVASI JABATAN

15 SEPTEMBER 2011

Sambutan Hari Inovasi Jabatan 2011 yang bertemakan 'Inovasi Pemangkin Transformasi' telah diadakan pada 15 September 2011 (Khamis) di Dewan Besar IKIM. Tiga (3) kategori program telah dipertandingkan iaitu Pertandingan Inovatif dan Kreatif (KIK), Koir dan Pengucapan Awam. Pertandingan ini telah disertai oleh lima (5) Kumpulan KIK, lima (5) Kumpulan Koir, enam (6) peserta Pengucapan Awam dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta seorang peserta dari Kumpulan Sokongan.

Jabatan juga turut serta menjayakan Sambutan Hari Inovasi Peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang bertemakan '1 KPKT-Inovasi Pemangkin Transformasi' yang telah diadakan di Dewan Kristal, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Putrajaya pada 17 November 2011.

Pada majlis tersebut, Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) telah berjaya memenangi tempat pertama Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha (AI-KSU) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Kategori Teknikal).

Keputusan Pertandingan Sempena Hari Inovasi JPBD SM 2011

KATEGORI	KUMPULAN	TAJUK PROJEK	KEPUTUSAN
Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	PEKA –(JPBD Pahang)	Panel Board Pameran Berat Dan Sukar Di Pasang	Johan
	Inventif–(JPBD Terengganu)	Sistem Notifikasi	Naib Johan
	One Click–(BPW)	Sistem <i>E-Paper Cutting</i> (ePC)	Tempat Ketiga
Pengucapan Awam	Kumpulan Pengurusan dan Profesional		
	Fauziah bt. Abd Jalil (BK)	<i>Innovation – The Way Forward</i>	Johan
	Mohd Syamsul Arief (RFN)	<i>Education - The Essence For Innovation</i>	Naib Johan
	Maizura bt Mad Zalan (BPP)	<i>Innovation Culture Practice In Korea & How We Can Learn From IT</i>	Tempat Ketiga
	Kumpulan Sokongan		
	Ezwan bin Adlan (BPP)	<i>Innovation - Anytime Anywhere</i>	Tempat Ketiga
Koir	Kump. JPBD Melaka	Putra Putri Bunga Ros	Johan
	Kump. JPBD Pahang	Kemegahan Negaraku Sungai Pahang	Naib Johan
	Kump. Melodious (JPBD Perak)	Malaysia Baru Sepekan Di Tanjung Pinang + Itulah Sayang + Kudaku Lari	Tempat Ketiga
Projek Anugerah Inovasi Ketua Setiausaha KPKT	NKRA Bandar Selamat	Kerjasama Strategik Pembangunan Sistem Pemantauan Bandar dan Selamat (SPBS)	Johan

Sumber: Unit Hubungan Antarabangsa, Bahagian Korporat

Inovasi Pemangkin Transformasi





MAJLIS MAKAN MALAM jasamu dikenang

17 OKTOBER 2011

Satu majlis makan malam bagi meraikan persaraan wajib Y.H. Dato' Hamisah binti Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) telah diadakan pada 17 Oktober 2011 di Hotel Impiana Ipoh, Perak.

Majlis berkenaan telah dimeriahkan dengan acara persembahan multimedia, deklamasi sajak, acara memotong kek serta penyampaian cenderahati bagi mengenang segala jasa dan sumbangan beliau disepanjang perkhidmatan di JPBD.



MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN

17-20 OKTOBER 2011

Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ) 2011 telah diadakan pada 17 hingga 20 Oktober 2011 di Hotel Impiana, Ipoh, Perak. Mesyuarat ini bertujuan untuk mendapatkan satu persetujuan bersama berkaitan perkara-perkara yang telah direncanakan.

Selain itu, ianya merupakan *platform* untuk mengenalpasti dan menyediakan sumbangan Jabatan ke arah mencapai empat (4) teras utama negara dan menghasilkan hala tuju strategik Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan Perancangan di masa hadapan.



BICARA PERSADA: MERANCANG BAHAGIA

14 NOVEMBER 2011

Bicara PERSADA : Merancang Bahagia adalah program anjuran PERSADA yang diadakan sebagai medan bicara ahli PERSADA untuk berdialog bersama pakar motivasi iaitu Dato Dr. Hj. Muhamad Fadzilah bin Kamsah. Program ini telah diadakan di Auditorium KR Soma, Wisma Tun Sambanthan.

Bicara persada ini diadakan bertujuan untuk berkongsi ilmu dan juga pendedahan kepada warga JPBD cara bagaimana untuk merancang bahagia dengan ta'aruf dan set minda, mengetuk pintu minda, punca konflik dengan pasangan, ciri keluarga bahagia, tip merancang bahagia dan doa-doa semarak cinta. Di akhir program diharap peserta berazam untuk menjadi insan yang terbaik dan berusaha ke arah baik sangka setiap masa.



MESYUARAT PEGAWAI KANAN PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA KE-25

15 NOVEMBER 2011

Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia ke-25 yang merupakan mesyuarat tahunan bagi semua Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa di peringkat Persekutuan, Negeri dan PBT telah diadakan pada 15 November 2011 (Selasa) di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur.

Satu program *Executive Talk* bertajuk *Value Capture and Value Creation* oleh Puan Audrey Teo Loh dari *Singapore Institute of Planners* telah diadakan untuk berkongsi maklumat bersama pegawai-pegawai yang hadir.



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA

15 NOVEMBER 2011

Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) telah menjadi aktiviti tahunan Jabatan sejak 1988. Pada tahun 2011 majlis sambutan telah diadakan di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur dengan tema '*Sustainable Development : Green Urbanism*'. Tema Sambutan HPBS pada tahun ini bertepatan dengan agenda global dalam mencapai matlamat pembangunan mampan seiring dengan era teknologi hijau dan perubahan iklim yang merupakan keutamaan dan perhatian masyarakat dunia pada masa kini.

Majlis Perasmian HPBS 2011 serta Pelancaran Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang turut diadakan di majlis berkenaan telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Selain itu, penghargaan Projek Inisiatif Hijau turut disampaikan kepada PBT di dalam melaksanakan usaha-usaha mewujudkan perbandaran hijau yang mampan.

Penghargaan tersebut telah disampaikan oleh YB Menteri KPKT kepada:

- i. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- ii. Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
- iii. Majlis Bandaraya Kuching Selatan
- iv. Dewan Bandaraya Kuching Utara
- v. Majlis Bandaraya Miri
- vi. Majlis Bandaraya Alor Setar
- vii. Majlis Perbandaran Pulau Pinang
- viii. Majlis Perbandaran Seberang Perai
- ix. Majlis Perbandaran Seremban
- x. Majlis Perbandaran Sungai Petani
- xi. Perbadanan Putrajaya (PPj)
- xii. Majlis Perbandaran Sibul

Anugerah *Fellow* Kehormat oleh Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) turut disampaikan oleh YB Menteri KPKT kepada Tan Sri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai menghargai jasa dan sumbangan beliau dalam bidang perancangan bandar.



Sumbangan
HARI PERANCANGAN
BANDAR SEDUNIA

URBANISM BANDAR SEDUNIA
Sheraton Imperial Hotel

rasmikan oleh
DATUK SRI CHOR CHIE HEUNG
Pengerusi Majlis Perancangan Bandar Sedunia

green URBANISM
2011

URBANISM Sheraton Imperial Hotel

Dirasmkan oleh:
DATUK SRI CHOR CHIE HEUNG
Pengerusi Majlis Perancangan Bandar Sedunia

Green Urbanism

A-9006-A
GP
GARIS PANDUAN PERANCANGAN
LALUAN KEMUDAHAN



JADATAN
SEMENAN
KEMENTE

EDUNIA 2010
ARAN RFIN KE-2



PENERBITAN JABATAN 2011

PENERBITAN JABATAN TAHUN 2011



Monograf Sequential Approach



Tujuan:

Monograf ini memperihalkan penemuan ke atas kajian kemungkinan penggunapakaian pendekatan baru iaitu *Sequential Approach* di dalam sistem perancangan pembangunan di Malaysia. Ia bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dalam proses membuat keputusan perancangan.

Pengguna:

PBN dan PBPT.



Garis Panduan Perancangan Rekabentuk Sejagat (*Universal Design*)

Tujuan:

Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) ini disediakan untuk membantu PBN, PBPT dan agensi pelaksana di dalam merancang dan mereka bentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan orang kurang/kelainan upaya (OKU).

Pengguna:

PBN, PBPT, pemaju dan agensi pelaksana.


Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti

Tujuan:

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang berkepentingan bagi mewujudkan perletakan laluan infrastruktur dan utiliti yang bersepadu ke arah mencapai persekitaran yang berkualiti dan pembangunan mampan. Ianya penting untuk mengatasi masalah korekan terbuka atas turapan jalan dalam pemasangan laluan utiliti baru dan penambahbaikan akan datang, meminima gangguan terhadap trafik dan orang awam serta memberi perlindungan kepada talian atau kabel utiliti.

Pengguna:

PBN, PBPT, agensi pembekal kemudahan utiliti, Jabatan Teknikal berkaitan dan pemaju.





Garis Panduan Perancangan Taman atas Bumbung

Tujuan:

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak yang terlibat dalam menyediakan kemudahan taman atas bumbung terutamanya PBN, PBPT dan pemaju.

Selain itu, tujuan garis panduan ini disediakan ialah untuk menggalakkan PBN, PBPT dan pemaju kepada pembinaan bangunan yang mempunyai penerapan Indeks Bangunan Hijau (GBI) bagi menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara dan Dasar Perubahan Iklim Negara.

Pengguna:

PBN, PBPT, pemaju dan orang awam.

Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang


Tujuan:


Membantu dalam merancang penyediaan lorong belakang di dalam skim pembangunan perumahan.

Amalan semasa menunjukkan kebanyakan lorong belakang dalam kawasan PBT disediakan dalam bentuk laluan penyelenggaraan atau laluan awam berkonkrit dengan kelebaran yang berbeza-beza. Sehubungan itu, garis panduan ini mencadangkan beberapa keperluan am dan khusus yang perlu dipatuhi terutamanya bagi tujuan keseragaman dan keselesaan pelbagai pihak.

Pengguna:

Perunding/pemohon kebenaran merancang, Jabatan Teknikal dan Agensi Kerajaan.





Garis Panduan Perancangan Taman Tema

Tujuan:

Membantu dalam merancang, membangun, mengawal dan menentukan kesesuaian lokasi serta kemudahan sokongan bagi pembangunan taman tema. Antara perkara yang diliputi dalam garis panduan ini ialah pemilihan lokasi, perancangan tapak, komponen aktiviti dan saiz kawasan.

Pengguna:

Perunding/pemohon kebenaran merancang, Jabatan Teknikal dan Agensi Kerajaan.

Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat

Tujuan:

Untuk memandu PBN, PBPT dan agensi-agensi berkaitan di dalam merancang, membangun dan mengawal penyediaan terminal kenderaan berat serta kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya.

Pengguna:

PBN, PBPT, syarikat swasta berkaitan kenderaan berat, operator kenderaan berat termasuk bas sekolah dan kilang serta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).





Malaysian Townplan Journal – Planning in Blue

Tujuan:

Sebagai makalah perancangan bandar paling utama di Malaysia yang mengumpulkan bahan-bahan bacaan berkaitan perancangan bandar serta isu semasa termasuk perkembangan terkini mengenainya.

Pengguna:

Semua lapisan pegawai yang terlibat di dalam perancangan bandar samada agensi persekutuan, PBT atau pun orang awam.

RnD Newsletter


Tujuan:

Sebagai *platform* siar raya dan hebahan program-program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM.

Pengguna:

Semua warga JPBD SM dan PBT.





Blog@172 : Rayuanku **Edisi 3 Mei 2011**

Tujuan:

Edisi kali ini memaparkan *a little insight* berkenaan Lembaga Rayuan (LR) sebagai pengetahuan asas dan pencetus minda. Bagi yang berminat boleh terus mencari ilmu berkenaan LR.

Keluaran kali ini merangkumi Apakah LR?, LR di JPBD Negeri, *The Appeal of Appeal Board*, Pelaksanaan LR, Relevankah Akta 172?, Seksyen Personaliti : Tuan Hj. Ismail bin Ibrahim, Evolusi Pindaan Akta 172, Perunding Cara-Satu Prospek Baru dalam Perancangan Bandar, Teks Authoritatif Akta 172, Kes-Kes LR dan Istilah Perundangan.

Pengguna:

Warga JPBD SM.




Manual Laporan Cadangan Pemajuan Edisi Kedua

Tujuan:

Manual ini dapat membantu pihak perunding yang berkecenderungan untuk menyediakan laporan cadangan pemajuan yang menyeluruh dan berkualiti di samping dapat mempercepatkan proses semakan permohonan kebenaran merancang oleh PBPT dan Jabatan Teknikal.

Pengguna:

Perunding, pemilik tanah dan pemohon kebenaran merancang, Jabatan Teknikal dan Agensi Kerajaan.



Panduan Pelaksanaan Pengecualian Kebenaran Merancang (ExPA – *Exemption From Planning Approval*)

Tujuan:

Panduan Pelaksanaan ini disediakan untuk memperjelaskan jenis-jenis pemajuan yang dikecualikan daripada kebenaran merancang serta proses dan prosedur yang terlibat bagi membantu PBPT, pemilik tanah dan juga pemohon di dalam pelaksanaannya.

Pengguna:

Pemilik tanah dan pemohon kebenaran merancang, Jabatan Teknikal dan Agensi Kerajaan.

Edisi Jan – Mac 2011



Edisi Apr – Jun 2011



Edisi Jul – Sep 2011



Edisi Okt – Dis 2011





Laporan Tahunan 2010

Senarai Notis Akhbar dan *Feature Articles* 2011

Sepanjang tahun 2011, sebanyak 12 Notis Pewartaan, 11 Notis Pemeriksaan Awam dan 6 *Feature Articles* berkaitan Rancangan Struktur, Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas yang disediakan oleh Jabatan telah diterbitkan dalam akhbar tempatan. Selain itu, 11 artikel Program Bandar Selamat dan satu artikel berkaitan Program Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2011 telah diterbitkan.

BIL.	KAJIAN	TARIKH	AKHBAR
Notis Pewartaan			
1.	Notis Pewartaan i. RTJ Kota Bharu - Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam ii. RTJ Gua Musang 2020 iii. RTJ Kota Bharu - Majlis Perbandaran Ketereh Bandaraya Islam iv. RTJ Bachok 2020 v. RTJ Pasir Mas 2020 vi. RTJ Tumpat 2020 vii. RKK Jelawat	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
2.	Notis Pewartaan RS Negeri Kedah	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
3.	Notis Pewartaan RS Negeri Johor	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
4.	Notis Pewartaan RT Daerah Mersing, RKK Pusat Pengangkutan Bandar Senai dan RKK Permas Kechil-Kukup, Pontian	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>

5.	Notis Pewartaan RT Daerah Port Dickson	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
6.	Notis Pewartaan RT Daerah Tampin	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
7.	Notis Pewartaan RT Daerah Johor Bahru, Muar, Batu Pahat, Pontian, Kluang dan Segamat	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
8.	Notis Pewartaan RTD Maran, Jerantut dan Bentong	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
9.	Notis Pewartaan RT Daerah Sik dan RT Daerah Kulim	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
10.	Notis Pewartaan RT Daerah Langkawi dan RT Daerah Pendang	30.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
11.	Notis Pewartaan RT Daerah Batang Padang	22.12.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
12.	Notis Pewartaan RT Daerah Langkawi dan RT Daerah Pendang	22.12.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RS/RT/RKK			
1.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Kuala Kangsar	21.12.2011 28.12.2011 18.1.2012	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
2.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Kerian	21.12.2011 28.12.2011 18.1.2012	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
3.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Hilir Perak	21.12.2011 28.12.2011 18.1.2012	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>

4.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Majlis Perbandaran Kangar	18.10.2011 24.10.2011 13.11.2011	Berita Harian dan Kwong Wah Yit Poh
5.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RSN Perlis	7.4.2011 11.4.2011 25.4.2011 7.4.2011 18.4.2011 28.4.2011	Berita Harian Berita Harian Berita Harian Kwong Wah Yit Poh Kwong Wah Yit Poh Kwong Wah Yit Poh
6.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Daerah Lipis	1.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
7.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Jajahan Kuala Krai	23.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
8.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Jajahan Machang	23.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
9.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Jajahan Pasir Puteh	23.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
10.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Jajahan Tanah Merah	23.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>
11.	Notis Pemeriksaan Awam bagi Draf RT Jajahan Jeli	23.11.2011	Berita Harian dan <i>New Straits Times</i>

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011

BIL.	KAJIAN	TARIKH	AKHBAR
Senarai <i>Feature Articles</i> Tahun 2011			
1.	RKK Kampung Sungai Pusu	28.02.2011	Berita Harian
2.	RS Negeri Perlis	07.04.2011	Berita Harian
3.	RT Majlis Perbandaran Kangar	24.10.2011	Berita Harian
4.	RTD Lipis	01.11.2011	Sinar Harian
5.	RTJ Tanah Merah, Jeli, Pasir Puteh, Machang, Kuala Krai	23.11.2011	Sinar Harian
6.	RTD Kuala Kangsar, Hilir Perak, Kerian	30.12.2011	Berita Harian

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2011


Feature Articles

RKK Pantai Chenang



RT Majlis Perbandaran Kangar









Notis Akhbar

RKK Pantai Chenang

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
Pemberitahuan di bawah Subseksyen 13 (2)
[Nota: Semua Draf Rancangan Kawasan Khas Yang Boleh Dipaparkan Untuk Dipertua]

Program
Publisiti
Penyertaan Awam

DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS
Pantai Chenang
LANGKAWI

Berikut adalah alur permohonan berkaitan dengan rancangan ini telah dibuat melalui Borang Penyertaan Awam yang diterbitkan atau surat permohonan kepada pejabat pada 16 Januari 2012.

Seluruh orang ramai yang berminat untuk membuat permohonan ini boleh membuat permohonan kepada:
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BERSEKUTU PELANGGAN
5700 KUALA LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN
Tel: 04-366 4700 Fax: 04-366 1777 e-mail: mpb@mpb.gov.my

Berikut adalah representasi kepada permohonan permohonan ini yang diterbitkan dengan dan disediakan kepada pihak-pihak yang berminat untuk membuat permohonan ini.

Orang ramai dijemput ke
Pameran Awam

9 Disember 2011 hingga 5 Januari 2012
10.00 pagi hingga 6.00 petang (setiap hari)
- Laman Padi, Pantai Chenang
- Jett Point, Kuala

11 Disember 2011 hingga 5 Januari 2012
9.00 pagi hingga 4.00 petang (hari bekerja sahaja)
- Pejabat Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Perbandaran, Kuala
- Pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Negeri Kedah, Aras 10, Bangunan Sultan Abdul
Halim, Alor Setar

Draf laporan, borang dan keterangan lanjut mengenai Rancangan
Kawasan Khas Pantai Chenang ini juga boleh dijumpai di laman web
www.mpb.gov.my / www.townplan.gov.my

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Langkawi Bersekutu Pelanggan

RTD Kluang, Johor

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)
PEMBERITAHUAN DI BAWAH SUBSEKSYEN 13(2)

Seluruh Laporan Draf Rancangan Tempatan (Pengubahan) bagi daerah Kluang boleh didapati untuk dipertua mulai 24 Mei 2012 hingga 25 Jun 2012 (pada hari bekerja sahaja) mulai jam 9 pagi hingga 4 petang di lokasi-lokasi seperti di bawah ini :-

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KLUANG 2020 (PENGUBAHAN)

1. Ruang Legar Pejabat, Majlis Perbandaran Kluang (MPK), Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT)
2. Ruang Legar Pejabat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor, Aras 1, Sayap Barat, Parcel C25, Kota Iskandar, 79100, Nusajaya.

Orang awam adalah dijemput untuk membuat pemeriksaan dan sebarang maklumbalas / cadangan atau representasi boleh dibuat melalui Borang Penyertaan Awam yang disediakan atau surat rasmi atau laman web Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor dan laman web Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan **sebelum-lewatnya pada 25 Jun 2012**. Semua borang dan surat boleh dimalamkan kepada Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan seperti berikut :

 Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kluang, Jalan Pejabat Kerajaan 86000 Kluang Johor	 Yang Dipertua, Majlis Daerah Simpang Renggam 86200 Simpang Renggam, Johor	 Yang Dipertua, Lembaga Bandaran Johor Tenggara, Bangunan Ibu Pejabat KEJORA, Jalan Dato' Hj. Hassan Yusoff, 81900 Bandar Penawar, Johor
--	--	--



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA, SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur
Tel: +603 2698 9211 Fax: +603 2693 1128
www.townplan.gov.my